




KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN



LAPORAN PENCAPAIAN
PELAN INDUK KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 2021-2025

OSHMP25

TAHUN 2024

KANDUNGAN

iv Kata-Kata Aluan

v Ringkasan Eksekutif

vi Laporan Prestasi Pelan Induk Keselamatan
Dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP25)
Tahun 2024

13 Teras Strategik 1
Pemeriksaan KKP Di Sektor Awam

Teras Strategik 2
30 Pengukuhan Amalan Peraturan Kendiri Di
Tempat Kerja

Teras Strategik 3
42 Penggalakan Pendidikan Dan Penyelidikan
KKP

Teras Strategik 4
57 Pemeriksaan Kesihatan Pekerja





Teras Strategik 5

73 Peningkatan Pematuhan KKP Di Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Teras Strategik 6

85 Pemantapan KKP Melalui Teknologi

Teras Strategik 7

106 Peningkatan KKP Berkaitan Jalan Raya (WRRS), Sektor Informal dan Pekerjaan Masa Depan (Future Jobs)

123 Laporan Keuangan Tahun 2024

125 Analisis Peruntukan & Pelaksanaan OSHMP25 Berdasarkan Teras Strategik

KATA-KATA ALUAN

PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANA OSHMP25

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana usaha bersama dalam menjayakan **Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (OSHMP25)** telah membuahkan hasil yang amat membanggakan. Sehingga tahun 2024, pencapaian kumulatif OSHMP25 telah mencapai 77% berbanding sasaran 80%. Ini merupakan satu pencapaian yang signifikan dan menjadi cerminan kepada iltizam serta kerjasama erat antara Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), para pemegang taruh, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Badan Profesional serta pelbagai agensi berkaitan.

Pencapaian ini jelas membuktikan bahawa pendekatan inklusif dan strategik dalam pelaksanaan OSHMP25 telah berjaya menggerakkan perubahan positif di peringkat industri khususnya dan di peringkat nasional amnya. Ia juga menunjukkan bahawa semakin banyak organisasi mula memahami dan menghayati kepentingan budaya kerja selamat dan sihat sebagai satu keutamaan dalam operasi harian mereka.

Budaya kerja selamat bukan sekadar mematuhi peraturan, tetapi adalah satu tanggungjawab bersama yang menyumbang kepada kesejahteraan pekerja serta kelestarian perniagaan. Penerapan nilai-nilai ini perlu terus disemai dan diperkukuhkan, agar menjadi sebahagian daripada identiti industri di Malaysia.

Saya menyeru agar kita semua terus melipatgandakan usaha dan komitmen bagi mencapai baki sasaran OSHMP25 menjelang tahun 2025. Marilah kita bersama menjadikan tempat kerja di negara ini sebagai persekitaran yang selamat, sihat, dan produktif.

Sekian, terima kasih.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah melaksanakan Pelan Induk KKP 2011-2015 (OSHMP 15) dan disusuli Pelan Induk KKP 2016-2020 (OSHMP 2020). Pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 (OSHMP25) ini merupakan kesinambungan dan usaha berterusan Kerajaan ke arah mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat di Malaysia. Strategi utama OSHMP 25 berpaksikan inisiatif untuk melonjakkan **'kebersamaan dan komitmen'** pihak-pihak berkepentingan terhadap menambahbaik pengurusan dan amalan KKP di Malaysia. Semua pihak perlu berganding bahu dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam usaha menjadikan tempat kerja selamat dan sihat melalui amalan budaya keselamatan.

Empat (4) objektif utama pelaksanaan OSHMP25 yang disasarkan adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan nilai KKP setaraf dengan kepentingan produktiviti dan kualiti.
2. Mewujudkan persekitaran kerja sihat, selamat dan kondusif.
3. Menerajui kebersamaan keselamatan dan kesihatan untuk kemakmuran rakyat.
4. Memastikan kelestarian dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Ke arah mencapai objektif yang disasarkan, OSHMP25 telah memperkenalkan **tujuh (7) Teras Strategik** yang akan dilaksanakan dirujuk seperti berikut:

1. TS 1: Pemerksaan KKP di sektor awam.
2. TS 2: Pengukuhan amalan peraturan sendiri di tempat kerja.
3. TS 3: Penggalakan pendidikan & penyelidikan KKP.
4. TS 4: Pemerksaan kesihatan pekerjaan.
5. TS 5: Peningkatan pematuhan KKP di sektor PKS.
6. TS 6: Pemantapan KKP melalui teknologi; dan
7. TS 7: Peningkatan KKP berkaitan jalan raya (WRRS), sektor informal dan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*)

Sasaran pencapaian pelaksanaan OSHMP25 pada tahun 2025 adalah:

1. Menurunkan kadar kematian pekerjaan kepada 2.93/ 100,000 pekerja.
2. Menurunkan kadar kemalangan pekerjaan kepada 2.13/ 1,000 pekerja; dan
3. Meningkatkan kadar pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30%.


LAPORAN PRESTASI PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHMP25) TAHUN 2024

RINGKASAN UMUM PENCAPAIAN

Sehingga Disember 2024, pencapaian tahunan OSHMP25 secara amnya mencatatkan pencapaian **99%** berbanding sasaran **100%**, menepati sasaran yang ditetapkan. Secara kumulatif, pencapaian keseluruhan OSHMP25 mencatatkan perkembangan **77%** dan berada di landasan yang baik ke arah mencapai pencapaian 100% menjelang Disember 2025 kelak.

Infografik pencapaian tahunan OSHMP25 tahun 2022 dan pencapaian kumulatif OSHMP25 bagi tempoh empat (4) tahun iaitu dari 2021 hingga 2024.

SCORE BOARD PENCAPAIAN OSHMP25 TAHUN 2024



PENCAPAIAN KESELURUHAN MENGIKUT TERAS STRATEGIK OSHMP25

Sehingga Disember 2024, setiap Teras Strategik (TS) OSHMP25 telah memulakan langkah bagi mencapai setiap KPI yang telah ditetapkan. Pencapaian setiap TS dirangkumkan di dalam rajah di bawah:

1 PENCAPAIAN TAHUNAN (TAHUN 2024)



Pencapaian Purata Tahunan 2024


99% | 100%

28

PROGRAM

28 Program di atas indikatif pencapaian yang baik bagi Sukuan 4 tahun 2024

2 PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2024)



Pencapaian Purata Kumulatif dari 2021-Disember 2024

77% | 80%

27

PROGRAM

27 Program di atas indikatif pencapaian yang baik bagi tempoh 2021-Dis 2024

3 PENCAPAIAN OSHMP25 (BAGI KPI UTAMA)



5

KPI UTAMA

Setakat Sukuan Keempat 2024 **5 Penunjuk Prestasi Utama (KPI)** yang ditetapkan dalam OSHMP25 berjaya dicapai dan **1 KPI** masih **belum** tercapai.

SCOREBOARD OSHMP25 TAHUNAN 2024



PELAN
INDUK
KKP
2025

PENCAPAIAN TAHUNAN OSHMP25 (2024)



CAPAI Q4
2024

SASARAN Q4
2024



INDIKATIF PENCAPAIAN PRESTASI OSHMP25

85% ke atas

75% - 84%

74% dan ke bawah



TS 1: PEMERKASAAN
KKP DI SEKTOR
AWAM

SCOREBOARD 2024 100%

SASARAN (TAHUNAN) 100%

SCOREBOARD Q4
2024



- P1- Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP 100%
- P2- Memperkasa fungsi KKP 100%
- P3- Kerajaan Sebagai Penggerak 100%
- P4- Transformasi Penguatkuasaan KKP 100%
- P5- Memantapkan Pengurusan Data Pangkalan Data KKP 100%



TS 2: PENGUKUHAN
AMALAN PERATURAN
KENDIRI DI TEMPAT
KERJA

SCOREBOARD 2024 95%

SASARAN (TAHUNAN) 100%

SCOREBOARD Q4
2024



- P1- Pemilikan dan Kepimpinan KKP 100%
- P2- Pelaksanaan Peraturan Kendiri yang Sistematis 100%
- P3- Penambahbaikan Amalan Terbaik KKP Menerusi Intervensi di Tempat Kerja 80%
- P4- Kesiapsiagaan Kawalan Kendiri Pekerja 100%



TS 3: PENGGALAKAN
PENDIDIKAN DAN
PENYELIDIKAN KKP



SCOREBOARD 2024 100%

SASARAN (TAHUNAN) 100%

SCOREBOARD Q4
2024




- P1- Meningkatkan Kesedaran, Pendidikan dan Libatsama Komuniti dalam KKP 100%
- P2- Kompetensi dan Keupayaan KKP di Tempat Kerja 100%
- P3- Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan KKP 100%



SCOREBOARD OSHMP25 KUMULATIF 2021-DIS 2024




PENCAPAIAN KUMULATIF OSHMP25 (2021-DIS 2024)



**CAPAI Q4
2024**

**SASAR Q4
2024**



INDIKATIF PENCAPAIAN OSHMP 25 BERBANDING SASARAN SEMASA

85% ke atas

75% - 84%

74% dan ke bawah



TS 1: PEMERKASAAN KKP DI SEKTOR AWAM

SCOREBOARD 2024 **73%**
SASARAN (Q4) 2024 **79%**

SCOREBOARD Q4 2024



- P1- Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP **69/77**
- P2- Memperkasa fungsi KKP **76/79**
- P3- Kerajaan Sebagai Penggerak **78/80**
- P4- Transformasi Penguatkuasaan KKP **76/80**
- P5- Memantapkan Pengurusan Data Pengkalan Data KKP **68/80**



TS 2: PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

SCOREBOARD 2024 **76%**
SASARAN (Q4) 2024 **80%**

SCOREBOARD Q4 2024



- P1- Pemilikan dan Kepimpinan KKP **77/77**
- P2- Pelaksanaan Peraturan Kendiri yang Sistematis **71/79**
- P3- Penambahbaikan Amalan Terbaik KKP Menerusi Intervensi di Tempat Kerja **74/83**
- P4- Kesiapsiagaan Kawalan Kendiri Pekerja **83/83**





TS 3: PENGGALAKAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KKP


SCOREBOARD 2024 **74%**
SASARAN (Q4) 2024 **80%**

SCOREBOARD Q4 2024



- P1- Meningkatkan Kesedaran, Pendidikan dan Libatsama Komuniti dalam KKP **69/80**
- P2- Kompetensi dan Keupayaan KKP di Tempat Kerja **74/75**
- P3- Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan KKP **79/84**





TERAS
STRATEGIK
1

PEMERKASAAN KKP DI SEKTOR AWAM



Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Pengerusi Teras Strategik
Ir. Noorazman bin Soud (Terengganu)

Pengerusi Bersama Teras Strategik
Dr. Abdul Jalil bin Hassan
Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi
(JPA)

Program 1: Dr. Ramuna binti Mohamed (PSD)	Program 2: Ir. Zamzurin bin Maarof (WPKL)	Program 3: Ir. Dr. Nor Halim bin Hassan (Sarawak)	Program 4: Ir. Ts. Zuraidi Hanafi bin Hanafi (Johor)	Program 5: En. Ahmad Kamil bin Zailani (BKP)
Memartabatkan dasar dan perundangan KKP	Memperkasa fungsi MNKKP	Kerajaan sebagai penggerak KKP	Transformasi Penguatkuasaan KKP	Memantapkan pengurusan pangkalan data KKP

Ahli Jawatankuasa Dalaman

1. Pn. Hashimah binti Hussan (BDAPP)
2. Pn. Norsalnita binti Md Noor (BDAPP)

1. Pn. Radin Hanida binti Radin Harun (MNKKP)
2. En. Ahmad Syuhairi bin Abdullah (WP Labuan)
3. En. Anuksin a/I Eh Klim (MNKKP)
4. Pn. Ku Nurfuzana binti Ku Mohamad Faudzi (BDAPP)
5. Ir. Ts. Mohammed Haffis bin Mohassin Molla (MNKKP)
6. En. Suhaidy bin Latip (Selangor)
7. En. Mat Zawawi bin Zakaria (MNKKP)

1. Hjh. Noria binti Mohamad Ali (BIKSSBK)
2. En. Amree bin Ghazi (Perlis)
3. YM Raja Mohd Faizal bin Raja Md Salleh (Sarawak)

1. En. Ahmad Fuad bin Jusin (BKS)
2. Ir. Ts. Ahmad Afizul Haq bin Abdul Razak (WPKL)
3. Ir. Mohd Safarin bin Sabli (Kedah)
4. En. Franky Kwok (BKP)

1. En. Mohd Ezwani bin Baharom (BPK)
2. En. Muhammad Syazwan bin Abdullah (BPK)
3. En. Rosli bin Wahid (BPK)
4. En. Muhammad Fairuz bin Abdullah (BPK)

TERAS STRATEGIK 1

PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

Program	Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025)					Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	14%	19%	15%	20%	0%	100%	69%
P2	14%	21%	21%	21%	0%	100%	76%
P3	15%	20%	20%	20%	0%	100%	75%
P4	16%	20%	20%	20%	0%	100%	76%
P5	13%	20%	15%	20%	0%	100%	68%
Keseluruhan	14%	20%	18%	20%	0%	100%	73%

Teras Strategik 1: **Pemeriksaan KKP di Sektor Awam** merupakan teras strategik yang menumpukan kepada meningkatkan prestasi KKP di kalangan agensi kerajaan dan penjawat awam agar Kerajaan menjadi peneraju KKP dan seterusnya menjadi contoh kepada sektor-sektor lain dalam bidang KKP.

Antara keberhasilan yang disasarkan ialah:

- penyemakan dasar dan perundangan KKP yang kontemporari bagi menangani isu KKP yang dinamik;
- peningkatan peranan Kerajaan ke arah penubuhan pusat kecemerlangan KKP Negara; serta
- pewujudan sistem pangkalan data kemalangan dan aduan yang strategik dan komprehensif bagi memantau prestasi KKP Negara.

Lima (5) program telah digariskan di bawah Teras Strategik 1 bagi mencapai sasaran seperti di atas iaitu:

- Program 1: Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP;
- Program 2: Memperkasa Fungsi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP);
- Program 3: Kerajaan sebagai Penggerak KKP;
- Program 4: Transformasi Penguatkuasaan KKP; dan
- Program 5: Memantapkan Pengurusan Pangkalan Data KKP.

Pada tahun 2024, sebanyak 26 inisiatif telah dilaksanakan di bawah Teras Strategik 1 di mana pencapaian tahunan semasa Teras Strategik 1 adalah sebanyak 100% dan pencapaian kumulatif adalah sebanyak 73%.


TS 1 PROGRAM 1

MEMARTABATKAN DASAR DAN PERUNDANGAN KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 1: MEMARTABATKAN DASAR DAN PERUNDANGAN KKP	A1	Menggubal perundangan KKP baru mengikut keperluan yang kritikal dan berlesen seiring dengan perundangan antarabangsa	100%	10%	18%	10%	20%	0%	58%
	A2	Menyemak keberkesanan akta dasar, peraturan dan tataamalan secara berkala	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	Keseluruhan		100%	14%	19%	15%	20%	0%	69%

Program 1: Memartabatkan Dasar & Perundangan KKP mensasarkan kepada penyemakan dasar dan perundangan KKP yang kontemporari bagi menangani isu KKP yang dinamik. Sepanjang tahun 2024, 16 inisiatif telah dijalankan di bawah Program 1 iaitu:

- (a) Tujuh (7) sesi **Seminar Hebahan Perundangan Baharu KKP Negara kepada Pihak Berkepentingan** bertujuan memperkenalkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) (Pindaan) 2022, Akta Kilang dan Jentera (AKJ) (Pemansuhan) 2022 dan perundangan subsidiari KKP melibatkan lebih daripada 1,000 peserta seluruh negara bagi:
- (i) Zon Utara (pada 20 Mei 2024);
 - (ii) Zon Pantai Timur (pada 23 Mei 2024);
 - (iii) Sabah & WP Labuan (pada 23 Mei 2024);
 - (iv) Sarawak (pada 27 Mei 2024);
 - (v) Zon Selatan (pada 28 Mei 2024);
 - (vi) Zon Tengah (pada 29 Mei 2024); dan
 - (vii) Terengganu (pada 23 September 2024).



Tujuh (7) Sesi Seminar Hebahan Perundangan Baharu KKP Negara kepada Pihak Berkepentingan

- (b) **Bengkel Pemantapan dan Pemerksaan Dasar dan Perundangan KKP** (pada 24-26 Jun 2024) dan **Bengkel Semakan Keberkesanan Perundangan KKP** (pada 19-22 Ogos 2024) bagi menetapkan, membangunkan, menyemak dan menambah baik dasar, polisi dan perundangan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan.



Bengkel Pemantapan dan Pemerksaan Dasar dan Perundangan KKP



Bengkel Semakan Keberkesanan Perundangan KKP

- (c) **Bengkel Pemantapan Dasar dan Perundangan KKP Menerusi Penyumber Luaran Pemeriksaan Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan (LYMPK)** pada 23-26 Julai 2024 bagi menetapkan dasar dan polisi penyumber luaran pemeriksaan LYMPK selaras dengan Peraturan-Peraturan KKP (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 serta prosedur yang digariskan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri.



Bengkel Pemantapan Dasar dan Perundangan KKP Menerusi Penyumber Luaran Pemeriksaan LYMPK

- (d) Mesyuarat Perancangan dan Strategi Pelaksanaan OSHMP25 bagi Tahun 2025 (pada 20-22 September 2024) dan Mesyuarat Pelaksanaan OSHMP25 Dalam Aspek Pengurusan dan Pentadbiran JKKP bagi Tahun 2025 (pada 18-20 Oktober 2024) bagi tujuan penetapan polisi Jabatan berkaitan kaedah pelaksanaan dan pemantauan OSHMP25 serta merangka strategi dan inisiatif dalam membudayakan KKP dalam urusan pentadbiran am dan pengurusan Jabatan.



Mesyuarat Perancangan dan Strategi Pelaksanaan OSHMP25 bagi tahun 2025



Mesyuarat Pelaksanaan OSHMP25 Dalam Aspek Pengurusan dan Pentadbiran JKKP bagi tahun 2025

- (e) Program Transfer of Knowledge (TOK) Pemantapan di kalangan Agen Perundangan pada 2-4 Oktober 2024 bagi mengadakan sesi Townhall bersama Pengurusan Tertinggi JKKP melibatkan seramai 200 pegawai JKKP untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pegawai serta membincangkan cabaran dan cadangan penambahbaikan pembangunan Pelan Strategik Jabatan.



Program Transfer of Knowledge (TOK) Pemantapan di kalangan Agen Perundangan

- (g) **Penerbitan perundangan subsidiari KKP di bawah AKKP (Pindaan) 2022 dan penerbitan piawaian bagi menyokong perundangan subsidiari KKP bertujuan menjadi rujukan industri untuk melaksanakan AKKP 1994 (Akta 514) dan para pegawai untuk menguatkuasakan AKKP 1994 (Akta 514) berserta perundangan subsidiari di bawahnya secara lebih berkesan.**

Penerbitan Perundangan Subsidiari KKP di bawah AKKP (Pindaan) 2022 melibatkan:

- i. Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 (Akta 835);
- ii. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648);
- iii. Penetapan Tarikh Kkuatkuasa Akta 835 (P.U.(B) 127/2024);
- iv. Penetapan Tarikh Kkuatkuasa Akta A1648 (P.U.(B) 128/2024);
- v. Peraturan-Peraturan KKP (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (P.U.(A) 99/2024);
- vi. Perintah KKP (Orang Berlesen) 2024 (P.U.(A) 100/2024);
- vii. Peraturan-Peraturan KKP (Fi bagi Orang Kompeten dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 (P.U.(A) 146/2024);
- viii. Peraturan-Peraturan KKP (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 (P.U.(A) 147/2024); dan
- ix. Buku Notis (JKKP 2, JKKP 3 dan JKKP 11).

Penerbitan Piawaian bagi Menyokong Perundangan Subsidiari KKP melibatkan:

- i. Guidance on Occupational Noise Control 2024;
- ii. Panduan Hak Pekerja 2024;
- iii. Guidelines for Working with Display Screen Equipment 2024;
- iv. Guidelines on Occupational Safety and Health for Standing at Work 2024;
- v. Guidelines on Occupational Safety and Health for Seating at Work 2024; dan
- vi. Garis Panduan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.



Penerbitan Perundangan Subsidiari KKP di bawah AKKP (Pindaan) 2022



Penerbitan Piawaian bagi Menyokong Perundangan Subsidiari KKP

Secara keseluruhan, Program 1 mencapai pencapaian tahunan sebanyak 100% bagi tahun 2024 dan 69% secara kumulatif.

TS 1 PROGRAM 2 MEMPERKASA FUNGSI MNKKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 2: MEMPERKASA FUNGSI MNKKP	A1	Meningkatkan fungsi MNKKP sebagai peneraju aktiviti KKP negara	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A2	Menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa Agensi utama terpilih berkaitan isu KKP	100%	6%	23%	23%	23%	0%	74%
	A3	Memperkasa dan meluaskan keahlian badan berkepentingan sebagai jawatankuasa yang merangkumi semua pemegang taruh	100%	16%	20%	20%	20%	0%	76%
	Keseluruhan		100%	14%	21%	21%	21%	0%	76%

Program 2: Memperkasa Fungsi MNKKP memfokuskan kepada melibatkan Ahli-Ahli MNKKP dalam inisiatif dan promosi KKP. Sepanjang tahun 2024, dua (2) inisiatif telah dijalankan di bawah Program 2 iaitu:

- (a) Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2024 telah diadakan pada 28 April 2024 bertempat di University of Cyberjaya, Cyberjaya, Selangor. Majlis sambutan ini yang bertemakan “Kesan Perubahan Iklim Terhadap KKP” dirasmikan oleh YB Encik Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia. Semasa majlis ini, agenda pembacaan Ikrar Integriti oleh Pengamal KKP Malaysia serta tetamu yang hadir pada hari tersebut telah diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai “Perhimpunan Terbesar dalam Ikrar Integriti KKP” dengan rekod pembacaan seramai 2,500 peserta.



Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2024

- (b) **Majlis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2023** telah berjaya diadakan pada 12 November 2024 bertempat di Hotel Courtyard by Marriott, Kuala Lumpur South, Kuala Lumpur. Di dalam majlis ini, sebanyak 29 syarikat dan tiga (3) individu daripada pelbagai sektor industri dan perkhidmatan awam yang telah mempamerkan rekod pencapaian cemerlang di dalam pengurusan KKP sepanjang tahun 2023 diberi pengiktirafan dan anugerah berprestij yang disampaikan oleh YB Encik Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia. Pada tahun ini, MNKKP telah menerima penyertaan dari sebanyak 313 syarikat dan individu daripada 10 sektor utama industri di seluruh negara. Pada majlis yang sama, dua (2) daripada anugerah ini iaitu Kategori Majikan Cemerlang Pengurusan Perjalanan Selamat dan NGO Cemerlang telah diberi pengiktirafan oleh PERKESO dengan penyertaan sebanyak 34 syarikat.



Majlis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan Negara 2023

Secara keseluruhan, Program 2 mencapai pencapaian tahunan sebanyak 100% bagi tahun 2024 dan 76% secara kumulatif.

TS 1 PROGRAM 3

KERAJAAN SEBAGAI PENGGERAK KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 3: KERAJAAN SEBAGAI PENGGERAK	A1	Memantapkan KKP di sektor awam melalui KSN	100%	11%	20%	20%	20%	0%	71%
	A2	Memasukkan kriteria KKP ke dalam perolehan mengikut Garis Panduan Pengurusan Kontrak 2015 dan syarat lesen operasi syarikat	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A3	Penubuhan <i>Excellent Centre</i> bagi KKP (COE) dalam bentuk penyusunan perjawatan SME JKKP ke dalam satu bahagian khusus	100%	18%	20%	20%	20%	0%	78%
	A4	Meneruskan pemberian insentif dan pengiktirafan kepada majikan dan pekerja yang cemerlang dalam mematuhi perundangan berkaitan KKP	100%	10%	20%	20%	20%	0%	70%
	Keseluruhan		100%	15%	20%	20%	20%	0%	75%

Program 3: Kerajaan Sebagai Penggerak KKP berpaksikan kepada teras bahawa Kerajaan sepatutnya berperanan untuk menjadi peneraju dan penggerak KKP negara dan bukan sebaliknya. Sepanjang tahun 2024, tiga (3) inisiatif telah dijalankan di bawah Program 3 iaitu:

- (a) **Bengkel Pengharmonian Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan** pada 21-23 Julai 2024 bagi menyelaraskan dan menambah baik draf Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan hasil maklum balas wakil-wakil kementerian dan jabatan terpilih seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH).



Bengkel Pengharmonian Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan

- (b) **Bengkel Profail KKP Sektor Awam** pada 26-28 Ogos 2024 bagi membangunkan satu Profail KKP Sektor dengan kerjasama daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai input bagi menyokong pembangunan Dasar KKP Sektor Awam.



Bengkel Profail KKP Sektor Awam

- (c) **Mesyuarat Penyediaan Dasar KKP Sektor Awam** pada 30 September – 3 Oktober 2024 bagi membangunkan draf dasar KKP Sektor Awam bertujuan memandu dan menggalakkan penerapan KKP di kalangan penjawat awam melibatkan input dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Malaysia Productivity Centre (MPC) dan UUM. Ahli mesyuarat bersetuju agar Dasar KKP Sektor Awam digantikan ke dalam bentuk Surat Pekeliling Am (SPA) yang baru iaitu SPA Bil. X Tahun 202X: Pelaksanaan Pematuhan AKKP 1994 (Akta 514) dan menggantikan SPA Bil. 3 Tahun 2019: Arahan Pematuhan AKKP 1994 (Akta 514) Dan Peraturan-Peraturan Di Bawahnya Oleh Semua Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan Dan Badan Berkanun Persekutuan.



Mesyuarat Penyediaan Dasar KKP Sektor Awam

TS 1 PROGRAM 4 TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 4: TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN KKP	A1	Menguatkuasakan undang-undang secara intensif bagi sektor kritikal	100%	13%	20%	20%	20%	0%	73%
	A2	Memperkasa teknologi KKP	100%	13%	20%	20%	20%	0%	73%
	A3	Menambah kompetensi dan pengetahuan penguatkuasa	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A4	Mewujudkan pelan strategik promosi KKP	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	Keseluruhan		100%	16%	20%	20%	20%	0%	76%

Program 4: Transformasi Penguatkuasaan KKP mensasarkan agar Jabatan merombak halatuju penguatkuasaan KKP kepada sektor dan kaedah yang lebih efisien dan efektif. Sepanjang tahun 2024, dua (2) inisiatif telah dijalankan di bawah Program 4 iaitu:

- (a) **Libat Urus Pembentangan Enforcement Uniformity Model (EUM)** pada 14-16 Julai 2024 bagi melihat semula pelaksanaan dan penyelarasan konsep EUM bagi penguatkuasaan KKP oleh Pejabat JKPP Negeri.



Libat Urus Pembentangan EUM

- (b) Perkhidmatan Merekabentuk, Mencetak dan Menyediakan Set Pameran Bertemakan OSHMP25 terdiri daripada *roll up bunting* dan *backdrop* bagi tujuan promosi OSHMP25 di Pejabat JKKP Negeri.



Set Pameran bertemakan OSHMP25

Secara keseluruhan, Program 4 mencapai pencapaian tahunan sebanyak 100% bagi tahun 2024 dan 76% secara kumulatif.

TS 1 PROGRAM 5

MEMANTAPKAN PENGURUSAN PANGKALAN DATA KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 5: MEMANTAPKAN PENGURUSAN PANGKALAN DATA KKP	A1	Pewujudan sistem pengkalan data setaraf dengan sistem antarabangsa	100%	19%	20%	20%	20%	0%	78%
	A2	Menggalakkan pembangunan aplikasi KKP	100%	0%	20%	20%	20%	0%	60%
	A3	Memperkasakan <i>Virtual OSH Information Centre (VOSHIC)</i> di laman web JKKP	100%	20%	20%	6%	20%	0%	66%
	Keseluruhan		100%	13%	20%	15%	20%	0%	68%

Program 5: Memantapkan Pengurusan Pangkalan Data KKP mensasarkan kepada meningkatkan sistem data Jabatan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat terkini. Sepanjang tahun 2024, dua (2) inisiatif telah dijalankan di bawah Program 5 iaitu:

- Mesyuarat Pelarasan dan Pementapan Modul-Modul untuk MyKKP 2.0 dan MySKUD 2.0 bagi Power User dan IT Negeri pada 25-26 September 2024 untuk memantapkan modul-modul di MyKKP 2.0 dan MySKUD 2.0 agar selaras dengan Peraturan-Peraturan KKP (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan Perintah KKP (Orang Berlesen) 2024.



Mesyuarat Pelarasan dan Pementapan Modul-Modul untuk MyKKP 2.0 dan MySKUD 2.0 bagi Power User dan IT Negeri

- (b) **Program Menaik Taraf Laman Web** untuk memperkasa dan menambah baik Laman Web JKKP termasuk *Virtual OSH Information Centre (VOSHIC)* telah diperkasa dan ditambah baik semula dengan bercirikan teknologi yang terkini dan lebih memudahkan pengurusan laman web seperti pencarian maklumat lebih cepat, pantas, tersusun serta turut mengambil kira aspek keselamatan portal/laman web.



Peluncuran Laman Web Baharu JKKP Baharu oleh YBrs. Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP

Secara keseluruhan, Program 5 mencapai pencapaian tahunan sebanyak 100% bagi tahun 2024 dan 68% secara kumulatif.

PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA



Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Pengerusi Teras Strategik
Ts. Hajah Habsah binti Md. Ishak (JKKP)

Pengerusi Bersama Teras Strategik
Dato' Ahmad Nadzarudin bin Abdul Razak (MEF)

Urusetia Teras Strategik
Pn. Nor Hafizan binti Mat Taib @ Mat Amin

Urusetia Nasional
Ir. Mohamad Fazli bin Masri

Program 1: En. Shaharuddin bin Mohd Ali	Program 2: En. Zainal bin Said	Program 3: En. Mohd Hazlim bin Husain	Program 4: Pn. Radin Hanida binti Radin Harun
Pemilikan dan kepimpinan KKP.	Pelaksanaan peraturan sendiri yang sistematik.	Penambahbaikan amalan terbaik KKP	Kesiapsiagaan kawalan sendiri pekerja.

Ahli Jawatankuasa

- | | | | |
|--|------------------------------------|---|----------------------------------|
| 1. Mohd Azril bin Ahmad | 1. Mohamad Nizam bin Ali | 1. Razali bin Shaffiee | 1. Mohd Zamri bin Noruddin |
| 2. Fakrul bin Abdullah | 2. Muhammad Redzuan bin Razali | 2. Muhammad Syafaryll bin Abdullah Hashim | 2. Chan Kah Wai |
| 3. Mohd Hafiz bin Abd Kadir | 3. Shahnisanizam bin Yaacof | | 3. Muhammad Khairuldin bin Adnan |
| 4. Mohamad Farid bin Ahmad Azam | 4. Shamsiah Binti Haji Hussin | | 4. Rashidah binti Hamdan |
| 5. Haji Mohd Nizam Bin Abdul Hamid | 5. Noor Azwani binti Mohd Naw | | |
| 6. Ir. Ts. Dr. Mohamad Xazaquan bin Mansor Ali | 6. Nur Amirra binti Mohamed Azaman | | |
| 7. Mohamad Amin bin Harun | | | |
| 8. Mohd Isnarnizar bin Ismail | | | |

Ahli Jawatankuasa Luar

PERKESO, FMM, NIOSH, MTUC, Perbadanan Perpustakaan, JTK,
(Persatuan SHO, MBAM, CEUPACS, MSOSH, MyFOSH)

TERAS STRATEGIK 2

PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

Program	Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025)					Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	9%	24%	22%	22%	0%	100%	77%
P2	9%	24%	19%	19%	0%	100%	71%
P3	7%	25%	22%	20%	0%	80%	74%
P4	30%	18%	18%	18%	0%	100%	83%
Keseluruhan	13%	23%	20%	20%	0%	95%	76%

Pada tahun 2024, keseluruhan aktiviti telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Jawatankuasa kerja TS2 sentiasa komited untuk memastikan semua program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk memastikan majikan dan pekerja dapat bekerja di dalam persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif selari dengan harapan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana OSHMP25.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah s.w.t. TS2 mencapai kumulatif (2021-2025) adalah sebanyak 76% dan pencapaian tahun semasa (2024) adalah 95%. Kita telah berjaya menjalankan program – program dibawah;

- i. Program Latihan “Modul OSH Leadership for Top Management” kepada Industri - 5 siri
- ii. Program Coaching MOVE kepada Syarikat dan pegawai JKKP Negeri (2 Zon)
- iii. Pertandingan tahunan amalan Terbaik KKP (OSH Best Practice) Peringkat Kebangsaan
- iv. Pertandingan tahunan amalan Terbaik KKP (OSH Best Practice) Negeri Johor, Melaka dan Terengganu
- v. Webinar Refleksi Koleksi Amalan Terbaik KKP
- vi. Seminar KKP di Industri Pembinaan (Peraturan Kendiri Majikan dan Pekerja) 2024 “Memperkasa Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan”

Semua bengkel dan program berjaya dijalankan dengan melibatkan peruntukan pembangunan sebanyak RM 251,188.40. Secara keseluruhannya, Program-program yang telah dijalankan di bawah TS2 telah mencapai sasaran dan melibatkan pihak penguasa, majikan dan pekerja yang mana mereka adalah tonggak kepada pengukuhan amalan peraturan sendiri selari dengan objektif 4 keberhasilan TS2.

TS 2 PROGRAM 1 PEMILIKAN DAN KEPIMPINAN KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 1: PEMILIKAN DAN KEPIMPINAN KKP	A1	Menyeimbangkan elemen keselamatan, kesihatan kualiti dan produktiviti oleh majikan untuk pemilikan KKP	100%	1%	24%	26%	26%	0%	77%
	A2	Memperkenalkan amalan KKP cemerlang di kalangan pengurusan tertinggi di dalam polisi korporat	100%	25%	31%	11%	14%	0%	81%
	A3	Meningkatkan kerjasama antara majikan dan pekerja melalui komunikasi berkesan bagi mengukuhkan budaya KKP	100%	0%	18%	28%	28%	0%	73%
	Keseluruhan		100%	9%	24%	22%	22%	0%	77%

Terdapat 3 aktiviti utama di dalam Program 1, antara Aktiviti Program 1 adalah :-

1. Menyeimbangkan elemen keselamatan, kesihatan, kualiti, dan produktiviti oleh majikan untuk pemilikan KKP.
2. Memperkenalkan amalan KKP cemerlang di kalangan pengurusan tertinggi di dalam polisi korporat.
3. Meningkatkan kerjasama antara majikan dan pekerja melalui komunikasi berkesan bagi mengukuhkan budaya KKP.

Keberhasilan daripada Program 1 adalah:-

1. Pemilikan amalan KKP di pihak majikan.
2. Peningkatan kecekapan pengurusan KKP

oleh majikan

3. Pelaksanaan KKP di tempat kerja yang sistematik dan berkesan.

Program dan aktiviti yang telah dijalankan menerusi Program 1 pada tahun 2024 adalah Bengkel Pemurnian Modul OSH Leadership For Top Management, Program Executive Talk OSH Leadership For Top Management Di Bawah Teras Strategik 2 Program 1 OSHMP25 - Pemilikan Dan Kepimpinan KKP, ceramah konsep elemen Peraturan Kendiri dan promosi persijilan ISO 45001: 2018 kepada organisasi.

Bengkel Pemurnian Modul OSH Leadership For Top Management ini telah diadakan pada 24 - 26 April 2024. Program ini melibatkan peserta seramai

25 orang (termasuk urusetia dari Jawatankuasa Program 1, Teras Strategik 2, OSHMP25). Peserta-peserta bagi bengkel adalah melibatkan pembuat Modul OSH Leadership For Top Management dan peserta-peserta kursus Train The Trainer (TTT) untuk Modul OSH Leadership For Top Management.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah membuat penambahbaikan pada modul OSH Leadership for Top Management, mengemaskini kandungan slide pembentangan penceramah bagi Program OSH Leadership for Top Management selaras dengan perkembangan terkini dan sesi post mortem pelaksanaan Program Executive Talk For Top Management pada 2023.



Peserta program



Perjalanan bengkel Pemurnian Modul OSH Leadership For Top Management

Sepanjang tahun 2024, terdapat 5 siri Program Executive Talk OSH Leadership For Top Management telah berjaya dilaksanakan seperti berikut :-

- a) Zon Timur - 16 Julai 2024 di Grand Darul Makmur Hotel, Pahang melibatkan 60 orang peserta industri.
- b) Zon Selatan - 13 Ogos 2024 di Bayview Hotel, Melaka melibatkan 60 orang peserta industri
- c) Zon Utara - 12 September 2024 di Travelodge Ipoh, Perak melibatkan 67 orang peserta industri
- d) Zon Tengah - 17 Oktober 2024 di Bayu Beach Resort, Negeri Sembilan melibatkan 47 orang peserta industri
- e) Zon Tengah - 30 Oktober 2024 di Summit Hotel Subang USJ, Selangor melibatkan 90 orang peserta industri.

Jumlah keseluruhan peserta industri dari pelbagai industri yang telah mengikuti program ini adalah seramai 324 peserta dari pihak pengurusan tertinggi yang terdiri dari CEO, COO, CFO, MD, GM dan sebagainya. Tujuan program ini dijalankan adalah bagi memberikan pemahaman dan penjelasan kepada pihak pengurusan tertinggi sesebuah organisasi mengenai Modul

OSH Leadership For Top Management Edisi Kedua. Kelima-lima sesi ini dijalankan bersama pihak MSOSH Academy Sdn Bhd di mana pihak MSOSH merupakan salah satu dari rakan Teras Strategik OSHMP 2025.



Program Executive Talk OSH Leadership For Top Management Zon Tengah di Selangor



Program Executive Talk OSH Leadership For Top Management Zon Timur di Pahang

Selain itu, pihak Jawatankuasa Program 1 telah dijemput sebagai penceramah oleh pihak TNB bagi menjayakan simposium HSE peringkat Kebangsaan. Topik pembentangan ceramah diambil dari Modul OSH Leadership For Top Management Edisi Kedua. Dua siri simposium telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- a) TNB Contractor HSE Symposium untuk pengurusan Tertinggi Kontraktor TNB pada 27 September 2024 di TNB MITC Melaka yang dihadiri oleh seramai 237 orang peserta.
- b) Property Services Department (PSD) – HSE Symposium untuk Pengurusan Tertinggi Kontraktor TNB pada 19 November 2024 di Pusat Konvensyen Leo Moggie, Ibu Pejabat TNB Bangsar yang dihadiri lebih dari 200 orang peserta.



Simposium HSE Property Services Department (PSD) di TNB Melaka



Simposium HSE Property Services Department (PSD) di TNB Bangsar

TS 2 PROGRAM 2

PELAKSANAAN PERATURAN KENDIRI YANG SISTEMATIK

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 2: PELAKSANAAN PERATURAN KENDIRI YANG SISTEMATIK	A1	Melaksanakan penilaian sendiri dalam organisasi bagi permasalahan semasa dan masa akan datang	100%	28%	33%	18%	13%	0%	90%
	A2	Menyediakan sistem sokongan merangkumi jangkauan kepada maklumat bagi permasalahan yang berkaitan dengan KKP	100%	3%	20%	13%	20%	0%	55%
	A3	Menggalakkan keperluan KKP dalam perjanjian, kontrak kerajaan dan syarat lesen	100%	0%	25%	25%	25%	0%	75%
	A4	Mempertingkatkan kesedaran berkaitan KKP melalui perkongsian pengalaman pengurusan KKP di dalam semua	100%	12%	20%	20%	20%	0%	72%
	Keseluruhan		100%	9%	24%	19%	19%	0%	71%

Penambahbaikan platform pelaporan penilaian digital *Occupational Safety and Health Workplace Assessment* (OSHWA) dilaksanakan untuk membantu organisasi menilai dengan lebih mudah dan memberi keputusan yang lebih menyeluruh berkenaan tahap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di premis mereka. Sebanyak 5269 organisasi telah mengambil manfaat dengan menggunakan platform tersebut sehingga September, 2024.

Bagi memudahkan organisasi mendapatkan sumber maklumat mudah berkaitan KKP, kerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Melaka

(PERPUSTAM) diteruskan dan sebanyak 196 lembar bacaan berkaitan KKP telah ditambah di perpustakaan tersebut bagi tahun 2024. Kerjasama juga telah berjaya dijalankan bersama Institution of Engineers Malaysia bagi menjayakan pengurusan Perpustakaan Maya oleh persatuan atau institusi bukan kerajaan.

Pengurusan KKP yang baik dan teratur adalah sangat penting bagi sebuah organisasi. Ianya bukan sahaja untuk memastikan produktiviti yang tinggi dan berkualiti tetapi juga semakin perlu untuk menaikkan imej organisasi tersebut. Pengurusan KKP perlu ditangani termasuk di peringkat vendor dan

sub-kontraktor yang terlibat dengannya. Oleh itu, program Managing OSH Through Vendor and Entrepreneurs diteruskan pada tahun 2024. Program Coaching MOVE telah dijalankan bagi tiga tempat iaitu di Pahang, di Sabah dan di Sarawak dan sebanyak 45 syarikat induk terlibat. Hasil dari program ini pada tahun 2024 sebanyak lebih dari 110 vendor dan sub-kontraktor telah terkesan dengan pelaksanaan program yang telah dijalankan oleh syarikat induk.

Perkongsian pengalaman di antara organisasi dapat menjadi pemangkin bagi meningkatkan prestasi pengurusan KKP organisasi. Organisasi yang telah berjaya meningkatkan pengurusan KKP telah berkongsi pengalaman bagi membantu organisasi lain melaksanakan perkara yang sama. Sebanyak 10 sesi perkongsian antara organisasi telah berjaya diatur pada tahun 2024.



Program Coaching MOVE Pahang pada
15 Februari 2024



Program Coaching MOVE Sabah pada
11 Jun 2024



Program Coaching MOVE Sarawak
pada 25 Julai 2024



Pemantauan Program MOVE Plus, Petronas PD&T, KLCC
16 Disember 2024

TS 2 PROGRAM 3 PENAMBAHBAIKAN AMALAN TERBAIK KKP MENERUSI INTERVENSI DI TEMPAT KERJA

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)
			2021	2022	2023	2024	2025	
Program 3: PENAMBAHBAIKAN AMALAN TERBAIK KKP MENERUSI INTERVENSI DI TEMPAT KERJA	A1 Pengumpulan intervensi pencegahan kemalangan secara holistik dengan libatsama pekerja	80%	7%	25%	22%	20%	0%	74%
	Keseluruhan	80%	7%	25%	22%	20%	0%	74%

Satu pertandingan peringkat kebangsaan dan 3 pertandingan peringkat negeri (Johor, Melaka dan Terengganu) berjaya dijalankan dengan jumlah hadiah wang tunai RM 24,000. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 171 Amalan Terbaik daripada 33 syarikat berjaya dikumpulkan. Bagi memastikan aktiviti ini berlanjutan mengikut perancangan asal, satu Refleksi Koleksi Amalan Terbaik KKP secara webinar penyertaan seramai 600 peserta daripada seluruh negara. Koleksi Amalan Terbaik KKP juga dipamerkan sempena Ekspo Inovasi dan Teknologi IR4.0.



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Amalan Terbaik KKP 2024 Peringkat Kebangsaan
24 Oktober 2024, Kuala Lumpur



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Amalan Terbaik KKP 2024
Peringkat Negeri Johor
14 November 2024, Johor Bahru



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Amalan Terbaik KKP 2024
Peringkat Negeri Terengganu
15 Oktober 2024, Terengganu



Majlis Penyampai Hadiah
Pertandingan Amalan Terbaik KKP
2024 Peringkat Negeri Melaka
12 September 2024, Melaka

TS 2 PROGRAM 4 KESIAPSIAGAAN KAWALAN KENDIRI PEKERJA

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 4: KESIAPSIAGAAN KAWALAN KENDIRI PEKERJA	A1	Meningkatkan keberkesanan kursus induksi sedia ada bagi pekerja dan memastikan pekerja mempunyai asas KKP dari segi pengetahuan, kemahiran, pendedahan, dan latihan.	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A2	Program Khas Peraturan Kendiri pekerja	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A3	Memantapkan KKP kepada pengurusan pekerja asing	100%	50%	100%	13%	13%	0%	88%
	Keseluruhan		100%	30%	18%	18%	18%	0%	83%

Pada tahun 2024, Program 4 telah melaksanakan dua (2) aktiviti seperti di bawah:

Aktiviti 1: Seminar OSH In Construction Industry 2024 & Sembang Santai With DOSH Malaysia

Tema: Peraturan Kendiri Majikan dan Pekerja "Memperkasa Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan"

Program ini telah berlangsung pada 5hb November 2024 bertempat di Dewan Kolej Pendeta Za'ba, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor dengan kehadiran lebih kurang 120 orang peserta yang majoritinya mewakili sektor pembinaan dan kerja-

kerja kejuruteraan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBr. Encik Alec Chong, Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM).

Program kali ini telah diisi dengan sesi pembentangan lima (5) kertas kerja oleh pembentang-pembentang daripada JKKP, Pertubuhan Arkitek Malaysia, PERKESO dan SP Setia Berhad. Di hujung program, sesi dialog "Sembang Santai With DOSH Malaysia" turut dijalankan dengan panelnya terdiri daripada YBr. Encik Bahruddin bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan Pekerjaan) JKKP Malaysia serta wakil daripada Pertubuhan Arkitek Malaysia dan syarikat SP Setia Berhad.



Perasmian program oleh YBrs. Encik Alec,
Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia.



Sesi pembentangan kertas kerja oleh pembentang-pembentang.



Sesi dialog bersama panel



Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Ketua Pengerusi Bersama
Ir. Ts. Hazlina binti Yon

Dr. Wan Nor Aishah binti Wan Omar

Timbalan Pengerusi 1
Dr. Rabaayah binti Daud (JKKP)

Urusetia
Pn. Nurul Fatimah Bayah binti Haron

Program 1:
Ir. Mokhtar bin Sabtu

Meningkatkan kesedaran,
pendidikan dan libatsama
komuniti dalam KKP

Program 2:
En. Zaidi bin Md Zain

Kompetensi dan keupayaan
KKP di tempat kerja

Program 3:
Dr. Rabaayah binti Daud
Ir. Mohamad Fadzil bin Abd.
Manap (6/12/2024 hingga kini)

Membudayakan penyelidikan
dan pembangunan KKP

Ahli Jawatankuasa Luar

KPM, KSM(TVET), KKM, ASM, MARDI, Persatuan Industri (MIHA, MPC, NEXUS, DOSHTECH),
NIOSH, MSOSH, NUTP, MOSTI.

Ahli Jawatankuasa Dalaman

1. Dr Pravind Kumar A/L Nagalingam
2. Pn. Hazeha binti Abdullah
3. En. Mohd Hairul bin Mat Husin
4. Pn. Khairunnisa binti Mat Rapah
5. Pn. Farahana binti Mohd Yusoff
6. Pn. Norhidayah binti Nazammudin
7. En. Muhammad Amirul Luttfi bin Mohamad Amir
8. Pn. Nur Zulaikha binti Zainal Abidin
9. En. Md. Bazli Izzuddin bin Mohamed
10. Pn. Mazni binti Abd Rani
11. Pn. Izaan Marina binti Mohd Aluwi

1. Dr. Rajinderjit Singh Hullon
2. Dr. Muhd Zafran Bin Shamsudin
3. Cik Nur Shuhada binti Jusoh
4. Pn. Laila binti Che Long
5. En. Wan Mohd Hafizan bin Wan Razali
6. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori

1. En. Wan Aminnudin bin Wan Ismail
2. Pn. Syarifah Nurol binti Syed Khairuddin
3. Ts. Kasman bin Nasir
4. Ts. Ahmad Al-Bakri bin Ahmad Bistari
5. Ir. Mohd Saiful bin Idris
6. Dr. Najwa binti Mustafa
7. Pn. Siti Nor Nadirah binti Mohamad

* Aktiviti TS3P1A3 digugurkan berdasarkan keputusan Mesyuarat JK Pelaksana Q1 dan Q2 2023. Teras Strategik 2 akan melaksanakan program MOVE ini.

TERAS STRATEGIK 3

PENGGALAKAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KKP

Program	Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025)					Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	15%	18%	17%	20%	0%	100%	69%
P2	14%	20%	20%	20%	0%	100%	74%
P3	5%	20%	31%	23%	0%	100%	79%
Keseluruhan	11%	19%	23%	21%	0%	100%	74%

Teras Strategik 3 ini bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan penyelidikan berkualiti tinggi dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan memastikan agenda KKP negara terus berkembang pesat selaras dengan tuntutan era Revolusi Industri 4.0. Pelaburan dalam pendidikan dan penyelidikan KKP penting untuk:

1. Melahirkan majikan dan pekerja yang komited kepada agenda KKP.
2. Memperkukuhkan pembangunan modal insan dengan ilmu dan kemahiran KKP.
3. Menyokong kelestarian sektor pekerjaan melalui adaptasi teknologi terkini.

Objektif Teras Strategik 3 ini adalah untuk:

1. Meningkatkan bilangan program latihan dan sesi libat urus melibatkan bakal pekerja, pekerja, majikan, komuniti dan NGO.
2. Menghasilkan tenaga kerja KKP yang kompeten seperti tenaga pengajar, penyedia latihan dan golongan profesional KKP.
3. Meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan KKP dengan fokus yang menyeluruh dan inovatif serta penghasilan kaedah sistematik dan produktif.

Pada tahun 2024, Teras Strategik 3 telah mencapai 100% bagi pencapaian tahun semasa. Manakala pencapaian kumulatif sehingga tahun 2024 adalah sebanyak 74%. Ketiga-tiga program di bawah Teras Strategik 3 juga telah berjaya mencapai 100% pada tahun 2024.

Aktiviti di bawah Teras Strategik 3 akan dilaksanakan dengan lebih rancak pada tahun berikutnya bagi mencapai sasaran penuh dan seterusnya menyokong pencapaian keseluruhan OSHMP25. Pencapaian ini menunjukkan kejayaan dalam meletakkan asas kukuh untuk pendidikan, penyelidikan, dan pengamalan KKP di Malaysia.



Program 1 Aktiviti 1- Pelaksanaan Projek Rintis Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Sesi Persekolahan 2024/2025



Program 1 Aktiviti 1- Pelaksanaan Projek Rintis Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia



Program 2 Aktiviti 1 - Bengkel Membangunkan Pengisian Bagi Sup-Topik Modul Generik Kesihatan Pekerja (*Occupational Health*) pada 29-30 Mei 2024



Program 1 Aktiviti 1- Menerapkan latihan asas KKP di sekolah dan institusi pendidikan untuk bakal pekerja: Majlis Pelancaran Modul Induksi KKP dan Modul Keselamatan Bengkel/ Makmal di Institut Pengajian Tinggi (IPT) pada 3 September 2024.



Program 3 Aktiviti 2 - Majlis Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan KKP 2024



Program 3 Aktiviti 2 - Pembentangan Kerangka dan Arkitektur Bagi Sistem
Malaysian OSH Information Platform (MOSHIP)

TS 3 PROGRAM 1

MENINGKATKAN KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN LIBATSAMA KOMUNITI DALAM KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 1: MENINGKATKAN KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN LIBATSAMA KOMUNITI DALAM KKP	A1	Menerapkan latihan asas KKP di sekolah dan institusi pendidikan untuk bakal pekerja	100%	11%	19%	10%	20%	0%	70%
	A2	Mempertingkatkan pembelajaran berterusan KKP untuk pekerja	100%	13%	14%	11%	20%	0%	58%
	A4	Meningkatkan libatsama komuniti bagi keselamatan dan kesihatan kepada orang awam melalui media sosial atau apa-apa medium	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	Keseluruhan		100%	15%	18%	17%	20%	0%	69%

Bagi meningkatkan kesedaran, pendidikan dan libatsama komuniti dalam KKP, tiga (3) aktiviti utama bagi Program 1 yang melibatkan tujuh (7) mekanisme pelaksanaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Antara program yang telah dilaksanakan di bawah Program 1 adalah seperti berikut:

1. Bengkel Taklimat Pelaksanaan Projek Rintis Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Sesi Persekolahan 2024/2025 yang mana telah dilaksanakan pada 22-23 April 2024 (sekolah rendah) dan 24-25 April 2024 (sekolah menengah). Antara jemputan yang menghadiri bengkel taklimat ini adalah wakil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga wakil daripada 20 sekolah rendah dan sekolah menengah yang terpilih bagi menjayakan projek rintis Kelab KKP tersebut. Gambar 1 dan 2 menunjukkan pelaksanaan bengkel taklimat tersebut.



Gambar 1 - Bengkel Taklimat Pelaksanaan Projek Rintis Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Rendah Bagi Sesi Persekolahan 2024/2025 pada 22-23 April 2024



Gambar 2 - Bengkel Taklimat Pelaksanaan Projek Rintis Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Menengah Bagi Sesi Persekolahan 2024/2025 pada 24-25 April 2024

- Projek Rintis Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Sesi Persekolahan 2024/2025 yang bermula pada 10 Mac 2024 dan berakhir pada 15 Februari 2025 seperti di gambar 3 dan 4. Projek rintis ini melibatkan 10 sekolah rendah dan 10 sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia yang terpilih di seluruh negara. Modul bagi Kelab KKP tersebut telah dihasilkan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), MNKKP, KPM, Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Malaysia Federation for Occupational Safety and Health (MyFOSH), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung (NUTP) sejak tahun 2022.




Gambar 3 - Pelaksanaan Projek Rintis Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Sesi Persekolahan 2024/2025

Gambar 4 - Salah Satu Aktiviti Modul Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kelab KKP) di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah



3. Majlis Pelancaran Modul Induksi KKP dan Modul Keselamatan Bengkel/ Makmal di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) yang telah dilaksanakan pada 3 September 2024 seperti di Gambar 5 hingga 6. Kedua-dua modul tersebut akan digunakan oleh pelajar-pelajar IPT.



Gambar 5: Panduan Minimum Modul Induksi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) dan Modul Keselamatan Bengkel/ Makmal



Gambar 6: Majlis Pelancaran Modul Induksi KKP dan Modul Keselamatan Bengkel/ Makmal di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia pada 3 September 2024.

4. Mengumpul data pelaporan bagi kempen, ceramah KKP dan sesi dialog yang disampaikan oleh industri kepada pekerja serta program KKP yang dianjurkan oleh persatuan/ kesatuan KKP atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) sepanjang tahun 2024.

TS 3 PROGRAM 2

KOMPETENSI DAN KEUPAYAAN KKP DI TEMPAT KERJA

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)
			2021	2022	2023	2024	2025	
Program 2: KOMPETENSI DAN KEUPAYAAN KKP DI TEMPAT KERJA	A1 Meningkatkan bilangan, kompetensi, keupayaan dan keberkesanan OYK dan golongan profesional KKP	100%	14%	20%	20%	20%	0%	74%
	Keseluruhan	100%	14%	20%	20%	20%	0%	74%

Sebagai langkah dalam mencapai objektif Program 2 iaitu bagi meningkatkan bilangan, kompetensi, keupayaan dan keberkesanan OYK dan golongan profesional KKP, tiga (3) mekanisme pelaksanaan telah dijalankan sepanjang tahun 2024.

Di bawah Mekanisme 1 iaitu penambahan kuantiti penyedia latihan dan Orang Kompeten atau Orang Terlatih yang dihasilkan. Penyedia latihan baru berdaftar dengan JKKP adalah seperti berikut:

- 11 penyedia latihan berdaftar bagi kursus orang kompeten; dan
- 17 penyedia latihan berdaftar bagi kursus orang terlatih.

Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan penyedia latihan berdaftar dengan JKKP berbanding bilangan pendaftaran penyedia latihan pada tahun 2020.

Manakala jumlah pendaftaran baru bagi orang kompeten dan orang terlatih yang baru berdaftar sehingga Disember 2024 adalah seperti berikut:

- 9912 orang kompeten (berdasarkan tanda aras pendaftaran pada tahun 2020); dan
- 11331 orang terlatih (berdasarkan tanda aras pendaftaran pada tahun 2021).

Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan orang kompeten dan orang terlatih yang berdaftar dengan JKKP berbanding bilangan pendaftaran berdasarkan tahun tanda aras (baseline).

Sehingga Disember 2024, sebanyak 25 penyedia latihan kursus orang kompeten dan 32 tenaga pengajarnya telah dipantau bagi mencapai aktiviti di bawah Mekanisme 2 iaitu pemantauan terhadap penyedia latihan dan tenaga pengajar. Selain itu, sebanyak 17 penyedia latihan kursus orang terlatih dan 23 tenaga pengajarnya juga telah dipantau.

Di bawah Mekanisme 3 pula iaitu memperkukuhkan silibus/modul latihan KKP OYK dan Orang Terlatih, satu (1) bengkel telah diadakan pada 29-30 Mei 2024 untuk membangunkan

Pengisian Bagi Sub-Topik Modul Generik Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health) seperti di Gambar 1 hingga 3. Antara objektif bengkel ini adalah seperti berikut:

1. Pembangunan pengisian sub-topik modul generik kesihatan pekerjaan (Occupational Health) adalah sebagai panduan kepada penyedia latihan untuk dimasukkan ke dalam silibus latihan KKP Orang Kompeten dan Orang Terlatih;
2. Hasil pembangunan modul ini dapat memperkasakan silibus/ modul latihan KKP Orang Kompeten dan Orang Terlatih; dan
3. Meningkatkan lagi kefahaman serta kesedaran tentang kepentingan dan bahaya berkaitan kesihatan pekerjaan.



Bengkel Membangunkan Pengisian Bagi Sup-Topik Modul Generik Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health) pada 29-30 Mei 2024.



Bengkel Membangunkan Pengisian Bagi Sup-Topik Modul Generik Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health) Yang Disempurnakan oleh YBrs. Ir. Ts. Hajah Hazlina binti Yon, Pengerusi Teras Strategik 3



Sesi Perbincangan Dalam Bengkel Membangunkan Pengisian Bagi Sup-Topik Modul Generik Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health) pada 29-30 Mei 2024.

TS 3 PROGRAM 3

MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 3: MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KKP	A1	Memasukkan KKP sebagai satu bidang keutamaan dalam kerangka penyelidikan dan pembangunan negara	100%	0%	25%	25%	25%	0%	75%
	A2	Menyelaraskan aktiviti penyelidikan KKP untuk semua universiti/pusat penyelidikan	100%	11%	16%	37%	20%	0%	83%
	Keseluruhan		100%	5%	20%	31%	23%	0%	79%


Program 3 di bawah Aktiviti 1 adalah untuk memasukkan KKP sebagai bidang keutamaan dalam kerangka penyelidikan dan pembangunan negara. Sehubungan itu, Profil Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Di Malaysia Di Bawah Inisiatif OSHMP25 Teras Strategik 3 Program 3 (TS3P3) telah berjaya dihasilkan berserta infografik dan poster dengan kerjasama Universiti Teknologi PETRONAS seperti di Gambar 1.

Bagi Aktiviti 2 Mekanisme 2 iaitu menyelaras aktiviti penyelidikan untuk pusat penyelidikan dan universiti, satu (1) majlis gilang gemilang telah diadakan pada 3 September 2024 iaitu Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan KKP 2024. Empat (4) buah universiti dipilih iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) termasuk Institut Penyelidikan Keselamatan

dan Kesihatan Negara (NIOSH) telah dianugerahkan sebagai Pusat Kecemerlangan KKP Negara (COE KKP). Gambar 2 hingga 4 menunjukkan majlis Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan KKP 2024 yang telah dijalankan. Manakala satu (1) laporan kepakaran, prasarana dan kapasiti bagi lima (5) pusat penyelidikan/ universiti yang diiktiraf sebagai COE KKP telah diterbitkan seperti di Gambar 5.

Seterusnya bagi Aktiviti 2 Mekanisme 3, salah satu hasrat mekanisme pelaksanaan dalam Teras Strategik 3 Program 3 OSHMP25 ialah membangunkan dan menambahbaik sistem pangkalan data KKP (OSH Bank Data). Pada tahun 2024, satu (1) pasukan kajian dari Universiti Teknologi PETRONAS telah bekerjasama untuk menghasilkan satu (1) kerangka dan arkitektur bagi Sistem Malaysian OSH Information Platform atau lebih dikenali sebagai Sistem MOSHIP. Sehubungan itu, satu (1) laporan berserta

infografik dan poster kerangka dan arkitektur Sistem MOSHIP tersebut telah disediakan. Pembentangan laporan kerangka dan arkitektur Sistem MOSHIP tersebut juga telah diadakan pada 19 Disember 2024 kepada pihak pengurusan atasan JKKP di Ibu Pejabat, Putrajaya seperti di Gambar 6.



Aktiviti 1 - Profil Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Di Malaysia Di Bawah Inisiatif OSHMP25 Teras Strategik 3 Program 3 (TS3P3)



Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan KKP 2024 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia



Senarai Universiti Dan Pusat Penyelidikan Yang Diiktiraf Sebagai Pusat Kecemerlangan KKP (COE KKP)



Sesi Kunjungan ke Reruai Pameran Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan KKP 2024

Manakala satu (1) laporan kepakaran, prasarana dan kapasiti bagi lima (5) pusat penyelidikan/ universiti yang diiktiraf sebagai COE KKP telah diterbitkan.



Laporan Kepakaran, Prasarana dan Kapasiti Pusat Kecemerlangan Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (COE KKP)

Seterusnya bagi Aktiviti 2 Mekanisme 3, salah satu hasrat mekanisme pelaksanaan dalam Teras Strategik 3 Program 3 OSHMP25 ialah membangunkan dan menambahbaik sistem pangkalan data KKP (OSH Bank Data). Pada tahun 2024, satu (1) pasukan kajian dari Universiti Teknologi PETRONAS telah bekerjasama untuk menghasilkan satu (1) kerangka dan arkitektur bagi Sistem Malaysian OSH Information Platform atau lebih dikenali sebagai Sistem MOSHIP. Sehubungan itu, satu (1) laporan berserta infografik dan poster kerangka dan arkitektur Sistem MOSHIP tersebut telah disediakan. Pembentangan laporan kerangka dan arkitektur Sistem MOSHIP tersebut juga telah diadakan pada 19 Disember 2024 kepada pihak pengurusan atasan JKKP di Ibu Pejabat, Putrajaya.



Sesi Pembentangan Kerangka dan Arkitektur bagi Sistem Malaysian OSH Information Platform (MOSHIP)



Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Pengerusi Teras Strategik
En. Mohd. Yunus b. Talib @Khalid

Timbalan Pengerusi 1
Hj. Afanizam bin Ali (JKKP)

Urusetia Teras Strategik
En. Zulkifli bin Abdullah

Program 1: Dr. Ahmad Fitri bin Abdullah Hair	Program 2: Hjh. Noor Azurah Binti Hj. Abd Rahman	Program 3: Pn. Mazlyne Binti Mat Akat	Program 4: Ts. Fauziah Binti Kamaruddin	Program 5: Noor Fazira Binti Ab Aziz
--	--	---	---	--

Ahli Jawatankuasa Luar

PERKESO, NIOSH, UPM, UTM, HFEM, MIHA, MSOSH, MAGTA, SI Accoustic Sdn. Bhd.

Ahli Jawatankuasa Dalaman

- | | | | | |
|---|--|---|--|---|
| 1. Dr. Ahmad Faiz bin Azhari Noor - BKesP | 1. Dr. Sutha a/p Balakrishnan - Perak | 1. Dr. Ahmad Faiz Bin Azhari Noor - BKesP | 1. Elaini Binti Wahab - Selangor | 1. Dr. Mohd Fizal Izwan bin Ab Kadir - Melaka |
| 2. Dr. Rajinderjit Singh Hullon - BKesP | 2. Ir. Rizal Azizi bin Ghazali - Perak | 2. Dr. Mohd Shamirul Bin Ahmad - Kedah | 2. Rohaizad Bin Mohd Daud - BHIE | 2. Ir. Ts. Saifuladili bin Jaafar - BHIE |
| 3. Dr. Santhanamohan a/l Nagesperam - WPKL | 3. Mohd Fadhil bin Hj. Abu Yazid - BPK | 3. Ir. Amirrudin Bin Ali | 3. Nur Shuhada Binti Jusoh - BHIE | 3. Ahmad Faiz bin Naziri - NS |
| 4. Dr. Mohd Ridzuan bin Anuar (Urusetia) - BKesP | 4. Syarikin binti Mat Nayah - P.Pinang | 4. Mazlina Binti Yusof - Kedah | 4. Mohd Norhafiz Bin Ibrahim - BHIE | 4. Azreen Azwani binti Omar - BDAPP |
| 5. Dr. Anza bin Elias - AOEMM | 5. Eza Marny Binti Marzuki - Perak | 5. Mohd Faizal Bin Mohd Hatta - BDAPP | 5. Ts. Rodzilla Binti Yahya Sharafuddin (Urusetia)- BHIE | 5. Nur Shariza binti Shari - Sabah |
| 6. Dr. Muhammad Arif bin Muhammad Noordin - NIOSH | 6. Mohd Zul-Fadly bin Zainuddin - Selangor | 6. Ku Nurfuzana Binti Ku Mohamad Faudzi (Urusetia) - WPKL | 6. Ahmad Faiz Bin Md Naziri - Negeri Sembilan | 6. Ir. Ts. Roslenda bt Hasan - Ex-DOSH |
| 7. Dr. Nik Khairul Reza bin Md Yazin - KKM | 7. Musna Binti Rappe (Urusetia) - BDAPP | 7. Mohamad Firdaus bin Mohamad Nazri - BHIE | 7. Rizwana Binti Rusle - BPK | 7. Siti Kamariah binti Rahim - NS |
| 8. Prof. Madya. Dr. Irniza binti Rasdi - UPM | 8. Nasrisyam bin Asri - Perak | 8. Nadia Farhana binti Radzi - P.Pinang | 8. Ts Mohd Zulhafiz Bin Mohd Yajid - BKesP | 8. Shabanon binti Mohd Sharif - Ex-DOSH |
| 9. Dr. Edrin Nazri bin Abdul Rasib - PERKESO | 9. Mohd Uzair bin Thazali - Perak | 9. Siti Nor Nadirah binti Mohamad - BPK | 9. Dr. Ng Yee Guan - HFEM | 9. Rusnah binti Nanyan - Ex-DOSH |
| | 10. Tc. Erawan Bin Abd Razak - Terengganu | 10. Mohamad Firdaus bin Mohamad Nazri - BHIE | 10. Haszelina binti Hassan- MIHA | 10. Dr. Ng Yee Guan - UPM |
| | 11. Nurfarhana Binti Mashuri- Selangor | 11. Siti Nor Nadirah binti Mohamad - BPK | 11. Md Idris bin Salim - MSOSH | 11. Marina binti Zainal Farid - Petronas |
| | 12. Nur Hidayah Binti Yahaya - Perak | 12. Nadia Farhana binti Radzi - P.Pinang | 12. Ts. Hj Shahronizam Bin Noordin - MAGTA | 12. Raemy bin Md Zin - NIOSH |
| | 13. Nazurah Binti Hamid -Perak | 13. Mohamad Firdaus bin Mohamad Nazri - BHIE | 13. Prof Dr. Ir. Ts. Rashdan Bin Ismail - UMK | 13. Hjh. Noormahani binti Harun - MIHA |
| | | 14. Siti Nor Nadirah binti Mohamad - BPK | 14. Syariful Izam Bin A. Hamid - SI Acoustic S/BTS. Dr. Nor Azali Bin Azmir - UTHM | |
| | | 15. Nor Roslinda binti Mat Zan - MNKKP | 15. Dr. Jalaluddin Bin Dahalan - Ergoworks Sdn Bhd | |
| | | | 16. Mohd Faizal Bin Hashim - TM | |

TERAS STRATEGIK 4

PEMERKASAAN KESIHATAN PEKERJAAN

Program	Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025)					Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	1%	18%	21%	28%	0%	100%	68%
P2	14%	20%	20%	20%	0%	100%	74%
P3	14%	20%	20%	20%	0%	100%	74%
P4	10%	22%	28%	22%	0%	100%	82%
P5	10%	40%	20%	20%	0%	100%	90%
Keseluruhan	11%	24%	22%	22%	0%	100%	78%

Teras Strategik 4 ini bertujuan untuk memperkukuh amalan peraturan sendiri di tempat kerja melalui pemerkasaan aspek kesihatan pekerjaan. Ia dilaksanakan secara menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada pengurusan risiko kesihatan, pemerkasaan kapasiti pengamal kesihatan pekerjaan, serta peningkatan kesedaran dalam kalangan majikan dan pekerja terhadap bahaya kesihatan pekerjaan. Pelaksanaan Teras Strategik 4 turut menyokong aspirasi OSHMP25 dalam mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan mampan.

Pemerkasaan kesihatan pekerjaan ini penting untuk:

1. Meningkatkan keupayaan sistem kesihatan pekerjaan termasuk kompetensi pengamal.
2. Menyokong kawalan risiko kesihatan pekerjaan secara lebih berkesan melalui pendekatan pencegahan.

3. Meningkatkan kefahaman dan kesedaran berkaitan isu kesihatan pekerjaan dalam kalangan semua pihak berkepentingan.

Pada tahun 2024, Teras Strategik 4 telah mencapai 100% bagi pencapaian tahun semasa, dengan semua program di bawah TS4 (P1 hingga P5) berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Manakala pencapaian kumulatif sehingga tahun 2024 adalah sebanyak 78%, mencerminkan kemajuan positif dalam usaha memperkukuh amalan peraturan sendiri kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Pelaksanaan aktiviti di bawah Teras Strategik 4 akan terus dipergiatkan pada tahun berikutnya bagi mencapai sasaran penuh menjelang 2025. Pencapaian ini menunjukkan kemajuan ketara dalam memperkukuh asas pengurusan kesihatan pekerjaan negara, seterusnya menyumbang kepada pencapaian keseluruhan OSHMP25.

TS 4 PROGRAM 1 MENYEDIAKAN PENGAMAL KESIHATAN PEKERJAAN YANG KOMPETEN DI TEMPAT KERJA

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)
			2021	2022	2023	2024	2025	
Program 1: MENYEDIAKAN PENGAMAL KESIHATAN PEKERJAAN YANG KOMPETEN DI TEMPAT KERJA	A1 Untuk menyediakan perundangan berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (<i>Occupational Health Services</i>) di Tempat Kerja	100%	3%	3%	33%	33%	0%	73%
	A2 Program Saringan Penyakit Pekerjaan di sektor kritikal	100%	0%	9%	30%	30%	0%	69%
	A3 Mengenalpasti keperluan pendaftaran Pengamal Kesihatan Pekerjaan sebagai OYK di bawah JKPP. Cadangan: Perlu mengenalpasti terlebih dahulu (ST4 P1 A1, M1) Pendaftaran hanya dibuat selepas terdapat keperluan mendaftar	100%	0%	0%	0%	50%	0%	50%
	A4 Untuk menyediakan garis panduan berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (<i>Occupational Health Services</i>)	0%	0%	63%	18%	0%	0%	80%
	Keseluruhan	100%	1%	18%	21%	28%	0%	68%

Bagi tahun 2024, berikut merupakan pencapaian dan kemajuan aktiviti-aktiviti di bawah TS4 Program 1 OSHMP25:

1. A1 dan A3: Penyediaan perundangan berkaitan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di Malaysia dan pengenalpastian keperluan pendaftaran pengamal kesihatan pekerjaan sebagai OYK di bawah JKPP.

Kajian Pembangunan Perundangan Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia masih dalam peringkat pelaksanaan. Namun begitu, pihak perunding telah mengemukakan draf Peraturan dan Tataamalan Industri berkaitan perkhidmatan

kesihatan pekerjaan dan cadangan pengamal kesihatan pekerjaan yang perlu didaftarkan oleh JKPP. Cadangan-cadangan tersebut akan diperhalusi oleh Jabatan pada tahun 2025.



2. A2: Program saringan penyakit pekerjaan di sektor kritikal

Sebanyak 30,000 pekerja di sektor kritikal telah disaring pada tahun 2024 melalui program Kajian Profil Penyakit dan Keracunan Pekerjaan Bagi 100,000 Pekerja di Sektor Kritikal. Selain itu, terdapat beberapa program promosi kesihatan pekerjaan telah dijalankan bersempena saringan tersebut.



3. A4: Pelancaran Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja.

Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja telah dilancarkan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia pada 26 Oktober 2024 di Setia City Convention Center, Setia Alam, Selangor.



TS 4 PROGRAM 2

PENGURUSAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN SECARA KOMPREHENSIF

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)
			2021	2022	2023	2024	2025	
Program 2: PENGURUSAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN SECARA KOMPREHENSIF	Meningkatkan kesejahteraan pekerja di dalam aspek kesihatan pekerjaan.							
	A1 Cadangan: Indeks/ elemen kesejahteraan di tempat kerja perlu dikenalpasti dan dibangunkan (sekiranya tiada)	100%	15%	20%	20%	20%	0%	75%
	A2 Menguruskan risiko kesihatan pekerjaan berkonsepkan pencegahan melalui rekabentuk (PID)	100%	12%	20%	20%	20%	0%	72%
	Keseluruhan	100%	14%	20%	20%	20%	0%	74%

Pencapaian Program 2 (P2TS4) pada tahun 2024 didukung oleh dua aktiviti utama dan 1 aktiviti tambahan seperti berikut -

1. Aktiviti 1 – Cadangan “Elemen Kesejahteraan Pekerjaan Sebagai Kriteria Audit Anugerah Cemerlang KKP Anjuran MNKKP” telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana OSHMP25 pada 12 Ogos 2024. Senarai semak elemen kesejahteraan pekerjaan yang dibangunkan oleh Program 2, dicadang untuk digunapakai semasa audit Anugerah Cemerlang KKP sebagai senarai semak tambahan, yang membantu juruaudit dalam membuat pemarkahan bagi kategori yang dipertandingkan. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut, mengambil kira senarai semak ini sebagai added value kepada senarai semak Anugerah sedia ada.
2. Aktiviti 2 - “Bengkel Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Menerusi Kaedah Pencegahan Melalui Rekabentuk” diadakan pada 11 Jun 2024 di Hotel Geno, Subang Jaya, Selangor. Seramai 40 orang peserta daripada 40 buah tempat kerja telah menyertai Bengkel ini.
3. Aktiviti 3 - “Bengkel Amalan Terbaik Bagi Pelaksanaan Program Kesejahteraan Pekerjaan Di Tempat Kerja” sempena Karnival Kesihatan Pekerja KESUMA Madani Peringkat Kebangsaan 2024 pada 26 Oktober 2024 di SICC, Shah Alam, Selangor dengan

31 penyertaan daripada industri. 3 amalan terbaik telah dibentangkan oleh organisasi seperti berikut –

- i. Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd Penang
- ii. Lotus's Store Malaysia
- iii. Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd



Program: Bengkel Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan
Menerusi Kaedah Pencegahan Melalui Rekabentuk
Tarikh: 11 Jun 2024
Tempat: Hotel Geno, Subang Jaya, Selangor



Program : "Bengkel Amalan Terbaik Bagi Pelaksanaan Program Kesejahteraan Pekerja(Well Being/ Wellness) Di Tempat Kerja" sempena Karnival Kesihatan Pekerjaan KESUMA Madani Peringkat Kebangsaan 2024

Tarikh : 26 Oktober 2024

Tempat: Setia City Convention Centre, Shah Alam, Selangor


TS 4 PROGRAM 3

KESEDARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)
			2021	2022	2023	2024	2025	
Program 3: KESEDARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN	A1 Menjalankan promosi berkaitan isu-isu kesihatan dan penyakit pekerjaan	100%	14%	20%	20%	20%	0%	74%
	Keseluruhan	100%	14%	20%	20%	20%	0%	74%

Pencapaian Program 4 (P2TS4) pada tahun 2024 dipenuhi oleh dua aktiviti utama seperti berikut -

1. Penganjuran Karnival Kesihatan Pekerja KESUMA Madani Peringkat Kebangsaan 2024 pada 26 hingga 27 Oktober 2024 bertempat di Setia City Convention Centre, Shah Alam, Selangor telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha KESUMA. Karnival telah berjaya menarik kira-kira lebih 2,000 peserta seminar dan pengunjung. Pelbagai reruai pameran, reruai perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan aktiviti interaktif kepada pengunjung merupakan tarikan Karnival pada tahun ini yang telah juga diadakan sekali Pelancaran Garispanduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja 2024.
2. Sebaran (boosting) 15 video, videografik dan bahan promosi yang telah dihasilkan melalui media sosial Jabatan telah berjaya mencapai 165K views jumlah keseluruhannya.



Karnival Kesihatan Pekerja KESUMA Madani Peringkat Kebangsaan 2024

TAJUK KANDUNGAN VIDEO 6 Kepentingan Pengurusan Ergonomik di Tempat Kerja																			
Pautan : https://www.youtube.com/watch?v=sV2HhFIZ53w																			
<p>APAKAH ITU ERGONOMIK? Disiplin ilmu yang berkait rapat dengan interaksi manusia dengan elemen-elemen sistem yang lain seperti persekitaran tempat kerja, penggunaan peralatan, mesin dan lain-lain.</p>	<p>ISU DAN PERMASALAHAN ERGONOMIK DI TEMPAT KERJA Pergerakan kas yang dipaparkan dan diarahkan bagi penyakit pekerjaan: Occupational Musculoskeletal Disorder (OMSJD) dari Tahun 2016 - 2020.</p> <table border="1"> <caption>Statistik Kes Occupational Musculoskeletal Disorder (OMSJD) Dipaparkan dan Diarahkan</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Kas Dipaparkan</th> <th>Kas Diarahkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2016</td> <td>244</td> <td>228</td> </tr> <tr> <td>2017</td> <td>228</td> <td>228</td> </tr> <tr> <td>2018</td> <td>228</td> <td>228</td> </tr> <tr> <td>2019</td> <td>228</td> <td>228</td> </tr> <tr> <td>2020</td> <td>228</td> <td>228</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Kas Dipaparkan	Kas Diarahkan	2016	244	228	2017	228	228	2018	228	228	2019	228	228	2020	228	228
Tahun	Kas Dipaparkan	Kas Diarahkan																	
2016	244	228																	
2017	228	228																	
2018	228	228																	
2019	228	228																	
2020	228	228																	
<p>Kepentingan Pengurusan Ergonomik di Tempat Kerja</p> <p>15,167 views 29 Mar 2023</p>	<p>Kepentingan Pengurusan Ergonomik di Tempat Kerja</p> <p>17,449 views 29 Mar 2023</p>																		
<p>2 September 2024</p> <p>14,427 Views</p>	<p>4 October 2024</p> <p>17,355 Views</p>																		

Antara contoh hasil boosting melalui media sosial yang telah dijalankan. Peningkatan dari 14K views ke 17.4K dalam tempoh 1 bulan.

TS 4 PROGRAM 4 MEMPERKASAKAN HIGIEN INDUSTRI KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PEKERJAAN

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)
			2021	2022	2023	2024	2025	
Program 4: MEMPERKASAKAN HIGIEN INDUSTRI KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PEKERJAAN	A1 Menyediakan dan melaksanakan sistem intervensi yang komprehensif dan efektif di tempat kerja	100%	6%	24%	24%	28%	0%	81%
	A2 Meluaskan pelaksanaan SOHELP DIY dan kaedah penaksiran lain	100%	5%	21%	41%	19%	0%	86%
	A3 Menyemarakkan Pengurusan Higien Industri (e.g Ergonomik, Kebisingan, Ruang Terkurung dan Bahan Kimia) di tempat kerja	100%	19%	20%	20%	20%	0%	79%
	Keseluruhan	100%	10%	22%	28%	22%	0%	82%

Pencapaian Program 4 Tahun 2024 didokong oleh tiga (3) aktiviti utama bagi memperkasa higien industri ke arah peningkatan kualiti pekerjaan.

Aktiviti A1

Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri Bagi Sektor Pengutipan Sisa Pepejal telah dilaksanakan pada 16-17 Julai 2024 dan dihadiri seramai 76 wakil majikan. Objektif bengkel adalah memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan kawalan hazard kesihatan dalam industri bagi meningkatkan tahap pengurusan kesihatan industri khusus di sektor pengurusan sisa pepejal. Selain daripada itu, hasil pemantauan ke atas 33 tempat kerja yang menyertai Bengkel Kawalan Hazard Sektor Pembuatan Plastik Tahun 2023 menunjukkan semua tempat kerja telah menjalankan intervensi hazard kesihatan industri dan mencapai tahap gred yang memuaskan.

Aktiviti A2

Pelaksanaan Systematic Occupational Health Enhancement Level Program (SOHELP) tahun 2024 telah disertai oleh 554 tempat kerja berisiko tinggi menjadikan jumlah keseluruhan tempat kerja adalah 3066 sejak tahun 2016. Sebanyak 16 Sesi Libat Urus SOHELP di Tempat Kerja Berisiko Tinggi telah diadakan oleh semua JKKP Negeri dan JKKP

Ibu Pejabat pada 1 Februari – 30 April 2024 bertujuan memberi pendedahan pelaksanaan SOHELP bagi meningkatkan aspek pengurusan pendedahan bising, bahan kimia dan ergonomik. Pada 26 September 2024 telah diadakan Konvensyen SOHELP Kebangsaan Ke 7 sebagai platform perkongsian amalan terbaik oleh tempat kerja yang menunjukkan pencapaian cemerlang SOHELP. Konvensyen yang diadakan secara tahunan telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KESUMA dan dihadiri seramai 550 orang peserta. Sebanyak 24 perkongsian amalan terbaik SOHELP dan 63 pengumpulan amalan terbaik SOHELP telah dilaksanakan pada tahun 2024.

Aktiviti 3

Bagi menyemarakkan pengurusan higien industri berkaitan pendedahan bising, bahan kimia, ergonomik dan ruang terkurung sebanyak 9 kolaborasi bersama pemegang taruh, industri dan agensi telah dilaksanakan bagi tahun 2024. Kolaborasi yang dijalankan adalah bertujuan meningkatkan tahap pematuhan aspek kesihatan pekerjaan dalam usaha mengurangkan kes penyakit pekerjaan. Selain itu, sebanyak 230 tempat kerja yang dijalankan penguatkuasaan kesihatan pekerjaan khusus berkaitan pendedahan bising, ergonomik dan ruang terkurung bagi tahun 2024 telah menunjukkan peningkatan gred pematuhan di tempat kerja.



Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Industri di Sektor Pengutipan Sisa
Pepejal pada 16-17 Julai 2024



Konvensyen SOHELP
Kebangsaan Ke-7 Tahun
2024 pada 26 September
2024

Pemenang Tempat Kerja SOHELP
Terbaik di Konvensyen SOHELP
Kebangsaan Ke 7 Tahun 2024



Kolaborasi Pembangunan Panduan Penyedia
Latihan Juruteknik Audiometrik pada
6-8 Ogos 2024



Kolaborasi Pembangunan Guidelines on OSH For
Standing at Work 2024, Guidelines on OSH For
Seating at Work 2024 dan Guidelines on OSH For
Working With DSE 2024 pada 11 Mac 2024

TS 4 PROGRAM 5 MENGINTEGRASIKAN PENILAIAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)
			2021	2022	2023	2024	2025	
Program 5 : MENG- INTEGRASIKAN PENILAIAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN	A1 Menyemak dan menambahbaik Penilaian risiko kesihatan pekerjaan yang merangkumi kesemua hazard kesihatan di tempat kerja (fizikal, biologikal & psikososial) untuk digunakan oleh semua industri dengan melibatkan pengamal OH sebagai ahli pasukan pengapit HRA.	100%	10%	40%	20%	20%	0%	90%
	Keseluruhan	100%	10%	40%	20%	20%	0%	90%

Aktiviti TS4P5 pada tahun 2024 bertumpu kepada pembangunan HRA yang lengkap. Aktiviti - aktiviti yang dijalankan oleh JK adalah seperti berikut:

1. Bengkel Pembangunan Panduan Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA) telah diadakan pada 6 - 7 Mei 2024 di Lexis Port Dickson bag mengenalpasti dan membincangkan permasalahan, cabaran, cadangan penambahbaikan model HRA yang dibangunkan.



Bengkel Pembangunan Panduan Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA)
6-7 Mei 2024 di Lexis Port Dickson

2. Bengkel Uji Coba Panduan Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerja telah diadakan pada 24 - 26 Jun 2024 di Palm Seremban bagi memastikan ahli JK sendiri menguji cuba panduan yang telah dibangunkan untuk memastikan keberkesanan HRA yang telah dibangunkan. Selain itu jawatankuasa dapat menjalankan sesi uji cuba di lapangan bagi melihat kesesuaian panduan ketika penggunaanya di tempat kerja.



Bengkel Uji Coba Panduan Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerja (HRA)
24 - 26 Jun 2024 di Palm Seremban Hotel

3. Seminar Kajian Rintis Panduan Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerja (HRA) - Siri 1 untuk memberi taklimat dan penerangan berkaitan penggunaan model integrasi HRA yang telah dibangunkan kepada tempat kerja yang terpilih dan membincangkan maklum balas yang diterima daripada tempat kerja.



Seminar Rintis Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerja (HRA) Siri 1
22 Ogos 2024 di De Palma Hotel Shah Alam

4. Seminar Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA) kepada Industri Siri 2 untuk memberi platform kepada industri berkongsi pengalaman dan maklum balas berkaitan penggunaan panduan HRA yang dibangunkan.



Seminar Rintis Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan
Pekerjaan (HRA) Siri 2
29 Oktober 2024 di Dorsett Hartamas

Selain aktiviti - aktiviti di atas, perbincangan dan mesyuarat berkala berkaitan penambahbaikan panduan yang akan diterbitkan juga telah dijalankan bagi memastikan panduan yang dibangunkan dapat membantu industri dalam memastikan aspek kesihatan juga diambil kira dalam pengurusan risiko di tempat kerja.



Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Supian bin Alias
Pengerusi Teras Strategik

Ketua Pengerusi Bersama

Shahrnunizam Bin Shahwan (KUSKOP)

Rosnizawati binti Baharom

Nur Faizah binti Ali
Urusetia

Program 1:	Program 2:	Program 3:	Program 4:
En. Syahrul Nizam bin Shahrudin	Rosnizawati binti Baharom	Pn. Salwa binti Sayutti	Nurul 'Aizat Akmal binti Abd. Azih
Insentif Khas Untuk Sektor PKS bagi Aktiviti KKP	Memantapkan pengurusan KKP di PKS	Pemantapan sokongan dan kerjasama antara agensi serta inisiatif program khas	Peningkatan pengetahuan, kemahiran dan komitmen KKP

Ahli Jawatankuasa Dalaman

<ol style="list-style-type: none"> Shahnisanizam bin Yaacof Muhammad Faizal bin Zainal Abidin Mohamad Khir bin Mohd Som Ismahisyam bin Ismayuddin 	<ol style="list-style-type: none"> Sohela binti Abdul Aziz Siti Rahimah binti Ramli Yusreena binti Yusuf Mohd Azlan Fahmi bin Mohd Azmi Syed Mohamad Firdaus bin Syed Zainuddin 	<ol style="list-style-type: none"> Noor Azwani binti Mohd Nawis Mohd Arif bin Mohd Nor Muhammad Tasyrif bin Ahmad Anuar Noor Aini binti Jumiran Zainab binti Abu Rairah 	<ol style="list-style-type: none"> Siti Rahmah binti Tukiran Mohamad Khir bin Md Som Norfaezah binti Jalal Ahmad Farih Mustamir bin Nequib
---	--	--	--

Ahli Jawatankuasa Luar

<p>MSOSH</p> <ul style="list-style-type: none"> Zanuddin Kisman 	<p>SME Association</p> <ul style="list-style-type: none"> Alan Tan Fui Soon 	<p>UKM</p> <ul style="list-style-type: none"> Prof Ts. Dr. Kadir bin Ariffin
<p>PERKESO</p> <ul style="list-style-type: none"> Ismail bin Harun Norazman Abdul Ghani 	<p>HRDF</p> <ul style="list-style-type: none"> Mohamad Azri B. Abdul Aziz 	<p>MISHA</p> <ul style="list-style-type: none"> Dr. Khairul

TERAS STRATEGIK 5

PENINGKATAN PEMATUHAN KKP DI SEKTOR PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Program	Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025)					Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	14%	22%	19%	19%	0%	100%	74%
P2	15%	21%	21%	21%	0%	100%	77%
P3	3%	32%	32%	17%	0%	100%	83%
P4	16%	20%	18%	18%	0%	88%	71%
Keseluruhan	12%	24%	22%	19%	0%	97%	76%

Peningkatan pematuhan KKP di Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan strategik yang menumpukan usaha untuk mempertingkatkan tahap pematuhan KKP di PKS. Terdapat pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Mencakupi program yang melibatkan pihak sasaran seperti: Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Persatuan Industri, Pengamal Industri, majikan dan pekerja di sektor PKS.

Pencapaian teras strategik 5 pada tahun 2024 adalah sebanyak 97% (pencapaian semasa) dan 76% (pencapaian kumulatif). Ketua program dan ahli jawatankuasa telah berjaya melaksanakan aktiviti- aktiviti teras mengikut sela waktu yang telah dirancang dengan sebaiknya dengan penggunaan dana pembangunan yang diberikan secara optimum. Antara aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- a) Sesi libat urus program mentor mentee SOLVE 4 SME bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta terpilih. - Program 1 TS5
- b) Mesyuarat pengharmonian tatacara pengumpulan dan penyebaran amalan terbaik di perusahaan kecil & sederhana. - Program 2 TS5
- c) Bengkel pengharmonian generik pentaksiran risiko sektor pembuatan kayu. - Program 3 TS5.
- d) Bengkel pengharmonian generik pentaksiran risiko sektor pembuatan logam. - Program 3 TS5.
- e) Program kerjasama bagi peningkatan penglibatan PBT dalam KKP di tempat kerja peringkat Negeri Selangor - Program 3 TS5
- f) Bengkel impak keselamatan dan kesihatan pekerjaan terhadap kualiti dan produktiviti di sektor PKS - Program 3 TS5.
- g) Program pemantapan gerak kerja jawatankuasa TS5 OSHMP25 - Peningkatan pematuhan KKP di Sektor PKS.



Program pemantapan gerak kerja jawatankuasa TS5 OSHMP25 dan bengkel peningkatan pematuhan KKP bersama industri PKS di Negeri Pahang.

TS 5 PROGRAM 1

DANA KHAS UNTUK AKTIVITI KKP DI PKS

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 1: DANA KHAS UNTUK AKTIVITI KKP DI PKS	A1	Menyediakan dana dan insentif khusus kerajaan dan swasta bagi sektor PKS	100%	7%	46.7%	18%	20.0%	0.0%	91%
	A2	Mempromosikan pemberian pelepasan cukai oleh kerajaan kepada PKS bagi pembelian peralatan asas dan PPE	100%	25%	5%	13%	13%	0%	55%
	A3	Menggalakkan penyediaan insentif oleh pihak swasta untuk memperkasakan KKP di PKS	100%	0%	25%	25%	25%	0%	75%
	Keseluruhan		100%	14%	22%	19%	19%	0%	74%

Pada tahun 2024 ini, Jawatankuasa Program 1, Teras Strategik 5 telah meneruskan aktiviti permohonan dana sedia ada dari agensi berkaitan iaitu PERKESO dan kelulusan permohonan dana tersebut telah berjaya diperolehi pada bulan Februari 2024. Selain itu, pihak Jawatankuasa juga telah membangunkan bahan bagi modul pembelajaran dalam talian (e-pembelajaran) berkaitan panduan asas pengurusan KKP untuk dikongsikan oleh agensi-agensi seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Majlis Amanah Rakyat (MARA), dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang ada menyediakan bantuan kewangan kepada PKS. Modul e-pembelajaran ini akan digunakan sepenuhnya pada tahun 2025 nanti.

Dalam menggalakkan penyediaan insentif pihak swasta untuk memperkasakan KKP di PKS, pihak Jawatankuasa telah meneruskan sesi libat urus berkaitan Pelaksanaan Program Mentor Mentee SOLVE 4 SME bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta Terpilih. Sesi libat urus kali ini yang memberi tumpuan kepada syarikat di zon selatan telah diadakan di Mudzaffar Hotel, Ayer Keroh Melaka melibatkan penyertaan seramai 55 orang peserta daripada 41 syarikat swasta dari Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Hasil dari program ini, beberapa syarikat besar seperti Pecca Leather dan Fuji Seat Sdn Bhd telah berjaya memberi pendedahan KKP menerusi Program Mentor Mentee ini kepada anak syarikat di bawah seliaan mereka dengan menggunakan elemen SOLVE 4 SME.

Selain itu, terdapat lima (5) pusat pengajar iaitu AJ Safety Training Sdn Bhd, SHE Monitorings Sdn Bhd, Mega Mekars Solutions Sdn Bhd, Safety Big Event Sdn Bhd dan SQC Management (Ipoh) Sdn Bhd yang telah turut sama menyokong pemberian insentif kepada syarikat PKS dengan memberikan potongan kadar bayaran yuran kursus OSH Coordinator dan juga memberikan kursus kesedaran KKP secara percuma kepada syarikat PKS yang telah menyertai kursus OSH Coordinator bersama mereka.



Sesi libat urus program mentor mentee SOLVE 4 SME bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta terpilih

TS 5 PROGRAM 2

MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN KKP PKS (OSHMS)

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 2: MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN KKP PKS (OSHMS)	A1	Memantapkan kaedah Pengurusan KKP melalui program SOLVE 4 SME (<i>Stepwise OSH Level Verification Enhancement for SME</i>)	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A2	Meningkatkan pematuhan KKP di tempat kerja di sektor PKS.	100%	7%	23%	23%	23%	0%	77%
	A3	Menggalakkan pembangunan amalan terbaik di kalangan PKS	100%	10%	20%	20%	20%	0%	70%
	A4	Meningkatkan jangkauan KKP di kalangan PKS	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	Keseluruhan		100%	15%	21%	21%	21%	0%	77%

Tahun 2024 pelaksanaan TS5P2 diteruskan untuk memantapkan kaedah Pengurusan KKP melalui program SOLVE 4 SME melalui Aktiviti 1. Pencapaian 20% adalah berdasarkan penglibatan sebanyak 388 PKS yang menyertai program SOLVE 4 SME yang dilaksanakan di setiap negeri pada tahun 2024. Sehingga 31 Disember 2024, penyertaan PKS untuk program SOLVE 4 SME adalah sebanyak 1,175 tempat kerja. Data ini menunjukkan impak yang positif terhadap penerimaan dan kesedaran KKP pihak industri terutamanya di PKS. Sejalan dengan pencapaian Aktiviti 1 juga sekaligus dapat meningkatkan pematuhan KKP di PKS dan juga ke arah pengamalan SPKKP yang berterusan

NEGERI	2022	2023	2024	Jumlah
Perlis	22	20	20	62
Kedah	24	28	27	79
Pulau Pinang	26	25	31	82
Perak	31	32	29	92
Selangor	30	30	30	90
Kuala Lumpur	25	25	25	75
N. Sembilan	25	25	25	75
Melaka	26	31	27	84
Johor	32	41	33	106
Pahang	25	25	25	75
Terengganu	24	25	25	74
Kelantan	23	25	20	68
Sarawak	25	27	25	77
Sabah	25	25	26	76
Labuan	20	20	20	60
JUMLAH	383	404	388	1175
JUMLAH KESELURUHAN				1,175

PENYERTAAN SOLVE 4 SME (2022 - 2024)

SASARAN
250 PENYERTAAN
SETAHUN
SOLVE
4SME

2022
383 PENYERTAAN

2023
404 PENYERTAAN

2024
388 PENYERTAAN

Melalui Aktiviti 2 dan bagi memberi pengiktirafan kepada tempat kerja yang cemerlang, JKKP dengan kerjasama JSM dan PERKESO telah menjalankan program ESCAPE OSHMS. Untuk tahun 2024, Seng Hin Rubber (M) Sdn. Bhd, Kelantan; EPE Packaging (Penang) Sdn. Bhd., Pulau Pinang dan Ever Delicious Food Industries Sdn. Bhd., Melaka telah berjaya memperoleh pensijilan MS ISO 45001:2018. Seminar Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) di Sektor PKS Pahang turut dijalankan pada 26 September 2024 bertempat di Copthorne Hotel Cameron Highlands, Pahang yang bertujuan untuk memberikan kesedaran dan ilmu pengetahuan berkenaan piawaian berkaitan SPKKP kepada majikan dan pekerja di sektor PKS.

Aktiviti 3 dilaksanakan melalui pengumpulan amalan terbaik KKP di PKS. Untuk tahun 2024, Mesyuarat Pengharmonian Tatacara Pengumpulan dan Penyebaran Amalan Terbaik di Perusahaan Kecil dan Sederhana di Bawah Program 2 Teras Strategik 5 OSHMP25 telah dijalankan pada 6 - 8 Mei 2024 bertempat

di SCAPES Hotel, Genting Highlands, Pahang. Pembangunan laporan amalan terbaik bertujuan untuk menyebarkan dan berkongsi maklumat mengenai keadaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja serta langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan keselamatan pekerja. Hicom HBPO Sdn. Bhd, Percetakan Tenaga Sdn. Bhd. dan Fuji Seats (Malaysia) Sdn. Bhd. telah diberi peluang untuk membuat perkongsian amalan terbaik SOLVE 4 SME yang telah dilaksanakan di Konvensyen SOLVE 4 SME Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 pada 14 Ogos 2024.

Aktiviti 4 dilaksanakan melalui penglibatan dan kerjasama agensi luar semasa sesi libat urus, dialog dan semasa menganjurkan program KKP. Penglibatan agensi luar seperti persatuan industri dan pengamal KKP bertujuan bagi meningkatkan promosi agar hebahan program dan aktiviti akan lebih menyeluruh dan meluas.

Keseluruhannya program 2 telah berjaya mencapai output yang telah disasarkan bagi tahun 2024.



Seminar Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (SPKKP)
di Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Pahang



Konvensyen SOLVE 4 SME Peringkat Kebangsaan Tahun 2024

TS 5 PROGRAM 3

PEMANTAPAN SOKONGAN DAN KERJASAMA ANTARA AGENSI SERTA INISIATIF PROGRAM KHAS

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2023)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 3: PEMANTAPAN SOKONGAN DAN KERJASAMA ANTARA AGENSI INISIATIF KHAS	A1	Menggalakkan program sokongan KKP di kalangan industri KKP melalui bimbingan dan sokongan di kalangan pengamal KKP	100%	10%	20%	20%	5%	0%	75%
	A2	Mengadakan kerjasama di antara pihak yang berkaitan bagi menguatkuasa peraturan KKP di kalangan PKS	100%	0%	25%	25%	25%	0%	75%
	A3	Membangunkan program khas di peringkat sektoral bagi pengurusan hazard yang dominan	0%	0%	50%	50%	0%	0%	100%
	Keseluruhan		100%	3%	32%	32%	17%	0%	83%

1. Program 3 Aktiviti 1

Tahun 2024 telah menetapkan seksyen industri kecil sederhana di setiap JKKP negeri perlu mengenalpasti pengamal KKP yang layak dan sukarela untuk membimbing dan membantu meningkatkan pematuhan KKP mana-mana kilang iks melalui program SOLVE4SME. Penglibatan dari pengamal KKP amatlah menggalakkan dengan adanya kilang IKS yang berjaya mendapat pencapaian aras SOLVE 4 SME yang tertinggi dan memperoleh pensijilan ISO 45001.

2. Program 3 Aktiviti 2

Pelaksanaan aktiviti 2 yang dijalankan adalah dengan mengadakan program KKP yang melibatkan sebanyak 12 pihak berkuasa tempatan di Negeri Selangor. Peserta yang hadir terdiri daripada pegawai di setiap PBT bersama kontraktor yang menjalankan kerja-kerja pembersihan dan landskap di bawah seliaan PBT masing-masing. Peserta dijelaskan berkenaan hal-hal KKP yang terdapat di dalam OSHMP25 merangkumi perkara-perkara berikut :

- i. Menjelaskan tanggungjawab PBT dalam Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) khususnya penerapan elemen KKP dalam pengurusan kontraktor

- ii. Menjelaskan tanggungjawab majikan dan pekerja di tempat kerja berkaitan KKP
- iii. Menjelaskan Pindaan Akta 2022, Keperluan penyelaras KKP (*OSH Coordinator*) dan kaedah pelaporan kemalangan

Peserta telah mendapat input yang banyak dan berfaedah bagi memastikan KKP di tempat kerja ditingkatkan dan pemahaman berkaitan tanggungjawab PBT dalam pengurusan KKP khususnya pengurusan kontrak, keperluan penyelaras KKP dan keperluan melaporkan kemalangan.

3. Program 3 Aktiviti 3

Output bagi program 3 aktiviti 3 adalah membangunkan generik pentaksiran risiko bagi 4 sektor utama iaitu logam, plastik, bahan kimia dan per kayu. Kesemua pentaksiran risiko tersebut telah selesai dibangunkan dan di harmonikan bersama-sama dengan pihak industri yang berkaitan dan juga jawatankuasa peraturan pentaksiran risiko. Generik pentaksiran risiko tersebut akan dimuatnaik ke dalam portal rasmi JKKP agar boleh dijadikan sebagai rujukan dan manfaat bagi semua pihak yang berkaitan bagi pematuhan mengadakan pentaksiran risiko bagi setiap aktiviti kerja bagi sektor yang berkaitan.



Program kerjasama bagi peningkatan penglibatan PBT dalam KKP di tempat kerja peringkat Negeri Selangor.



Bengkel pengharmonian generik pentaksiran risiko sektor pembuatan kayu.

TS 5 PROGRAM 4 PENINGKATAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN KOMITMEN KKP

Program	Aktiviti	Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025)					Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
Program 4: PENINGKATAN PENGETAHUAN DAN KOMITMEN KKP	A1	Meningkatkan akses pusat-pusat latihan dan pusat pengajaran bagi tujuan peningkatan pengetahuan kemahiran dan komitmen KKP di kalangan PKS	50%	4%	20%	10%	10%	0%	44%
	A2	Meningkatkan bilangan OSH-C di kalangan PKS	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A3	Memantapkan kesedaran dan pelaksanaan KKP setara dengan aspek kualiti dan produktiviti	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	A4	Mengadakan <i>Coffee Talk</i> kepada pengusaha KKP	100%	20%	20%	20%	20%	0%	80%
	Keseluruhan		88%	16%	20%	18%	18%	0%	71%

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 4 aktiviti di bawah Teras Strategik 5 Program 4 telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun. Aktiviti – aktiviti memberi fokus dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan komitmen KKP khususnya di kalangan sektor PKS. Di bawah Aktiviti 1, satu modul berkaitan pelaksanaan sistem WISE dengan kerjasama XP Technics Solution sebagai penyedia latihan sedang dibangunkan. Modul ini dapat membantu sektor PKS dalam meningkatkan tahap KKP di tempat kerja dengan kaedah yang mudah dan tidak melibatkan kos yang tinggi.

Bagi Aktiviti 2, seramai 4409 OSH-C yang berdaftar dengan JKKP pada tahun 2024.



Bengkel impak keselamatan dan kesihatan pekerjaan terhadap kualiti dan produktiviti di sektor PKS.

Seterusnya, Bengkel Impak Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Terhadap Aspek Kualiti Dan Produktiviti Di Sektor Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Zon Utara 2024 telah dijalankan di bawah Aktiviti 3. Bengkel ini telah dijalankan pada 17 Julai 2024 di Hotel Ixora, Pulau Pinang dan dihadiri oleh peserta di kalangan PKS dari Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Dalam bengkel ini, peserta didedahkan tentang kaedah pelaksanaan KKP yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti di tempat kerja. Bagi Aktiviti 4, satu sesi bengkel bersama Persatuan Pengilang Kayu Kayan dan Perabot Bumiputera (PEKA) telah dijalankan pada 18 Julai 2024 dengan kerjasama Seksyen IKS JKKP Selangor. Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu terkini khususnya berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan melibatkan ahli-ahli PEKA.



Bengkel bersama Persatuan Pengilang Kayu Kayan dan Perabot Bumiputera (PEKA)



Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Pengerusi Teras Strategik

Ts. Osman bin Hj. Isa (mula Sept 2024)
Ts. Nazruddin bin Mat Ali (sehingga Ogos 2024)

Pengerusi Bersama Teras Strategik

En. Abdul Azizi bin Mohamad Sharkawi (MITI)

Timb. Pengerusi

Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Fairuz bin Ab Rahman (mula Sept 2024)
En. Ramli bin Hassan (sehingga Ogos 2024)

Urusetia Nasional

Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori

Program 1:

Ir. Hj. Abdul Aziz bin Salim (mula Sept 2024)
Ts. Osman bin Hj. Isa (sehingga Ogos 2024)

Pembangunan Tempat Kerja Pintar Berpaksikan IR 4.0

Program 2:

Hj. Nor Zamzuri bin Md. Nor

Pembangunan Ekosistem Teknologi dalam KKP

Program 3:

Dr. Mokhtar Zamimi bin Ranjan

Pengurusan Risiko KKP Melalui Teknologi Digital

Ahli Jawatankuasa Dalaman

1. Ts. Hamidi bin Saidin
2. Norliza binti Abu Othman
3. Hazeha binti Abdullah
4. Ir. Ts., Mohammed Haffis bin Mohossain Molla
5. En. Mohd Shazwan bin Jismi
6. Wan Rusmaezame bin Wan Mahmood
7. Thavaselvan A/L Supermaniam
8. Ir. Dr. Mohd Syamir bin Senin
9. Hj. Mahasan bin Yusuf

1. En. Rukairulazzam bin Ab Rahman
2. Ts. Mohd Al Fadil bin Mohd Salleh
3. En. Ahmad Syahrin bin Yusof
4. Ts. Wan Hilemi bin Wan Hussein
5. En. Mohd Afdhalludin bin Mat Yusof
6. Pn. Nor Azzura binti Saari
7. En. Huszaini bin Haron

1. Ir. Ts. Dr. Wesley anak Lock Sulen
2. Ir. Ts. Mohd Nazri bin Mat Jarid
3. En. Mohd Arif bin Mohd Nor
4. Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori

Ahli Jawatankuasa Luar

1. Datin Fauzirah Binti Zainun (Ria Solution)
2. En. Suhaimi Bin Ahmad (PD&T)

1. Dr. Mohd Sani bin Hashim (UUM)
2. Ir. Ts. Louis Tay C.S (Plytech)

1. Pn. Kartina Wati binti Arbi (PD&T)
2. En. Azhari (INTESH)

TERAS STRATEGIK 6

PENINGKATAN PEMATUHAN KKP DI SEKTOR PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Program	Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025)					Pencapaian Tahun Semasa (2024)	Pencapaian Kumulatif (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	21%	28%	38%	10%	0%	100%	90%
P2	13%	48%	8%	8%	0%	100%	78%
P3	3%	23%	25%	26%	0%	100%	77%
Keseluruhan	13%	32%	22%	15%	0%	100%	82%

Pertumbuhan pesat dalam kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan telah membuka lembaran baharu dalam usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Teknologi canggih ini bukan sahaja mempermudah automasi dan analisis data, tetapi juga memberikan penyelesaian proaktif terhadap cabaran di tempat kerja.

Dengan keupayaan untuk mengenal pasti risiko, meramalkan bahaya, dan mengoptimalkan proses keselamatan, AI dan pendigitalan telah terbukti menjadi lonjakan yang signifikan dalam arah yang tepat untuk memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat. Inovasi ini selaras dengan matlamat global untuk menjadikan tempat kerja lebih cekap, inklusif, dan mampan. Dengan memanfaatkan potensi AI, organisasi kini mampu mewujudkan budaya keselamatan yang lebih kukuh, mengurangkan kemalangan pekerjaan, dan meningkatkan kesejahteraan pekerja. Perkembangan ini menandakan transformasi penting dalam landskap KKP, mencerminkan kemajuan yang tidak hanya relevan tetapi juga mendesak dalam dunia kerja moden.

Jadual ini menunjukkan pencapaian program di bawah Teras Strategik 6, yang berfokus kepada pemantapan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) melalui penggunaan teknologi dalam tempoh 2021 hingga 2025. Ia merangkumi tiga program utama iaitu P1, P2, dan P3.

Program P1 mencatatkan pencapaian kumulatif tertinggi sebanyak 90% bagi tempoh 2021-2025. Prestasi tahunan program ini menunjukkan peningkatan konsisten dari 21% pada 2021 kepada 33% pada 2023, sebelum menurun kepada 10% pada 2024. Walaupun begitu, pencapaian kumulatif menunjukkan kejayaan yang signifikan. Program P2 mencatatkan pencapaian kumulatif sebanyak 78%, dengan prestasi tahunan tertinggi pada 2022 (48%), tetapi menurun pada tahun berikutnya. P3 pula mencapai 77%, dengan prestasi tahunan yang lebih stabil, meningkat dari 3%

Keseluruhan pencapaian kumulatif bagi ketiga-tiga program sepanjang tempoh 2021-2025 adalah sebanyak 82%. Pada tahun semasa 2024, semua program mencapai 100%, menandakan usaha yang intensif dalam mencapai sasaran tahunan. Namun,

terdapat cabaran dalam konsistensi prestasi tahunan, seperti penurunan ketara pada 2023, di mana pencapaian keseluruhan hanya mencapai 22%.

